




(MALAY) دعوت اسلامی کا تعارف

Pengenalan Tentang **DAWAT-E-ISLAMI**



Presented by

Markazi Majlis-e-Shura

Translated into English by

Majlis-e-Tarajim (Dawat-e-Islami)



دَعْوَتِ اِسْلَامِي كَا تَعَارُفِ

Dawat-e-Islami ka Ta'aruf

PENGENALAN TENTANG

DAWAT-E-ISLAMI

Buku kecil ini mula-mula dipersembahkan oleh Majlis Al-Madinat-ul-Ilmia ke dalam Bahasa Urdu. Majlis Penterjemahan (Dawat-e-Islami) telah menterjemahkannya ke dalam Bahasa Inggeris. Jika terdapat sebarang kesilapan di dalam penterjemahannya ataupun dari segi karyanya, sila hubungi Majlis Penterjemahan supaya beroleh pahalanya.

Majlis-e-Tarājim (Dawat-e-Islami)

Aalami Madani Markaz, Faizan-e-Madinah, Mahallah Saudagran,
Purani Sabzi Mandi, Bab-ul-Madinah, Karachi, Pakistan

UAN: ☎ +92-21-111-25-26-92 – Ext. 1262

Email: ✉ translation@dawateislami.net

Table of Contents

Pengenalan Tentang Dawat-e-Islami

Kelebihan Selawat keatas Nabi	1
Pengenalan Dawat-e-Islami	2
Setiap orang Muslim adalah pendakwah	3
Penubuhan Dawat-e-Islami	3
Mesej Dawat-e-Islami tersebar di 195 buah negara	5
Berdakwah kepada golongan bukan islam	6
Non Muslim memeluk Islam	7
Madani Qafilah	8
Wajah bercahaya membawa kepada pemeluk Islam	9
Madrasah Madani	10
Pembinaan Masjid	10
Imam Masjid	11
Saudara Istimewa	11
Non Muslim memeluk Islam	12
Dakwah di Penjara	13
Jemaah I'tikaf	17
Perubahan Madani di kalangan putri Islam	19
Sekilas aktiviti Madani bulanan muslimat	20
Lihat bagaimana persekitaran Madani membangkitkan rohani!	20
Madani In'amat	23
Madani Muzakarah	24
Rawatan Rohani dan Solat Istikharah	25
Barah Otak	26
Terbitan Maktabatul madinah	27
Institusi Pendidikan Islam	28

Jamia-tul-Madinah	28
Madrasa-tul-Madinah	29
Madrasa-tul-Madinah (untuk orang dewasa)	29
Klinik	30
Takhasus Fil-Fiqh	30
Majlis Tahqiqat Shariah	31
Dar-ul-Ifta Ahl-e-Sunnah	31
Dar-ul-Ifta Ahl-e-Sunnah Online	32
Maktabatul Madinah	32
Al-Madina-tul-'Ilmiyyah	32
Majlis Taftish Kutub Rasail	33
Kursus Madani	34
Menghadiahkan Pahala Kepada Para Arwah	35
Gerai dari Maktaba-tul-Madinah	35
Majlis Tarajim	35
Ijtima' di luar Negara	36
Tarbiyyati Ijtima'at	36
Madani Channel	37
1. Seseorang pemuda Non Muslim memeluk Islam	40
2. Sekarang saya berasa malu menonton saluran maksiat	41
3. Pub ditutup	42
Madrasatul Madinah Online	42
Darul Madinah	43
8 Mutiara Madani Dawate Islami	43
Sekilas pandang 95 jabatan Dawate Islami	54
Jabatan Muslimat	56

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ
أَمَّا بَعْدُ فَأَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ط

Pengenalan Tentang Dawat-e-Islami

Bacalah buku ini dari awal hingga akhir walaupun syaitan akan sentiasa membuatmu rasa malas untuk membacanya. *إن شاء الله عز وجل* kamu akan dapat merasai perubahan madani di dalam hatimu.

Kelebihan Selawat keatas Nabi

Rasullullah *صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ* telah bersabda bahawasanya, 'Jibrail memberitahu kepadaku bahawa Allah *عَزَّوَجَلَّ* berfirman, 'Wahai Muhammad *صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ*! Adakah kamu tidak s [dengan fakta] bahawa apabila pengikutmu menghantar satu Selawat kepadamu, Aku akan menghantar sepuluh belas kasihanku kepadanya dan (apabila) pengikutmu menghantar satu salam kepadamu, aku akan menghantar sepuluh salam kepadanya.'

صَلُّوا عَلَى الْحَبِيبِ صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَى مُحَمَّدٍ

Pengenalan Dawat-e-Islami

Allah telah berfirman di dalam Surah Ali Imran, juzu'4 Ayat 104:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ

بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

“Dan hendaklah ada apa-apa kumpulan di antara kamu yang mereka boleh mengajak ke arah yang baik dan perintah yang mulia dan melarang kejahatan. dan mereka adalah orang-orang yang telah mencapai matlamat mereka”.

Mengulas tentang ayat tersebut, seorang pentafsir al-Quran yang mashyur, Mufti Ahmad Yar Khan عَلَيْهِ رَحْمَةُ الْمَلَأَن telah menyatakan di dalam Tafsir Na’imi, jilid 4, halaman 72, ‘Wahai umat Islam! Perlu ada satu pergerakan di antara kamu, atau kamu perlu memulakan satu pergerakan secara tetap yang menyeru setiap orang yang beriman ke arah kebenaran, orang kafir terhadap Agama Islam, orang yang melampaui batas ke arah ketakwaan, yang lalai ke arah kesedaran, yang jahil terhadap pengetahuan ilmu Islam yang Suci, yang terpelihara dengan keredaan Ilahi dan mereka yang di dalam kelalaian ke arah kesedaran.

Begitu juga, gerakan ini harus mengutamakan kepercayaan yang betul, akhlak dan perbuatan yang baik dengan cara dakwah, penulisan, secara fizikal, tegas dan lembut. Tambahan

pula, gerakan ini hendaklah menghalang manusia daripada kepercayaan yang palsu, adab yang buruk, perbuatan tidak baik, niat dan fikiran yang jahat dengan lisan dan hati, samada dengan tulisan juga dengan kekerasan’

Setiap orang Muslim adalah pendakwah

Mufti yang mulia عَلَيْهِ رَحْمَةُ اللَّهِ الْقَوِيّ juga menyambung, ‘Semua orang Islam adalah pendakwah. Adalah (wajib) untuk mereka semua mengajak orang lain untuk beramal soleh dan menghalang mereka daripada melakukan kejahatan.’ Dalam erti kata lain, setiap Muslim haruslah menyampaikan apa yang dia tahu kepada orang Islam yang lain. Memihak kepada kata-kata ini, Mufti Ahmad Yar Khan عَلَيْهِ رَحْمَةُ الْعَمَّانِ menyebut hadis berikut bahawasanya Nabi yang dikasihi telah bersabda:

‘sampaikan daripadaku walaupun **بَلِّغُوا عَنِّي وَلَوْ آيَةً**
satu ayat.’

(Sohih Bukhari, vol. 2, m/s. 462, Hadis 3461)

Penubuhan Dawat-e-Islami

Saudara Islam yang dihormati! Didalam setiap era, Allah عَزَّوَجَلَّ menghantar seseorang yang mempunyai personaliti yang indah kepada umat Nabi yang dicintai صَلَّى اللَّهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ dengan memenuhi seruan tanggungjawab ‘أَمْرٌ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهْيٌ عَنِ الْمُنْكَرِ’ iaitu menyeru manusia kearah kebenaran dan menghalang mereka daripada membuat kemungkar. Seorang Ulama

yang telah menanamkan suatu pemikiran didalam minda umat Islam bahawasanya: 'saya akan cuba memperbaiki diri sendiri dan umat di seluruh dunia'

Salah seorang tokoh besar itu ialah Syeikh Tariqat Amir Ahle Sunnat 'Allamah Maulana Abu Bilal Muhammad Ilyas Attar Qadiri Razavi Ziyaeه دَامَتْ بَرَكَاتُهُمُ الْعَالِيَه telah melancarkan kempen Madani 'Dawate Islami', sebuah pergerakan Islam yang berpandukan Quran dan Sunnah, bukan politik propaganda, bersama dengan bantuan beberapa sahabatnya di Karachi pada bulan Zul Qaedatil Haram 1401 AH (September, 1981). Beliau adalah simbol atau contoh kepada Ulama terdahulu didalam meneladani sifat-sifat seperti takut kepada Allah عَزَّوَجَلَّ, kecintaan yang mendalam terhadap Nabi yang dikasihi صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ, semangat dan keazaman untuk mengikuti Quran & Sunnah dan menghidupkan semula Sunnah yang ditinggalkan, juga didalam ketakwaan, muhasabah diri, ketabahan dan kesabaran didalam menyampaikan seruan, sifat syukur, tawaduk, kesederhanaan didalam kehidupan, ikhlas, zuhud, adab yang baik, sikap tidak mencintai dunia, kebimbangan mengenai penjagaan iman ,juga cita-cita untuk menyebarkan ilmu agama islam dengan meluas. Melalui jemaah Dawate Islami, beliau telah membawa satu revolusi Madani dalam kehidupan berjuta-juta umat Islam, terutama golongan belia. Ramai belia telah bertaubat dari dosa maksiat yang telah dilakukan dan mengikuti cara hidup yang diberkati berlandaskan sunnah. Mereka yang sebelum ini meninggalkan Solat bukan sahaja telah mula mengerjakan Solat bahkan telah

maju lebih jauh lagi seperti menjadi Imam kepada Masjid, anak derhaka dan kurang ajar telah mula menghormati dan mentaati ibu bapa mereka; mereka yang berada di lembah kegelapan (kufur) telah dikurniakan cahaya Islam; mereka yang terpesona dengan keindahan negara Eropah telah tersedar dari lamunan bertekad untuk hanya memandang kepada keindahan Kaabah yang Suci dan Kubah Hijau Madinah yang mulia; mereka yang terleka, bimbang dan berdukacita mengenai perkara keduniaan sudah mula serius dan mula menanamkan.

Pemikiran Madani dengan muhasabah tentang perkara akhirat; mereka yang gemar membaca novel romantik dan kotor sudah mula tertarik dengan kitab karangan para Ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah **دَامَتْ قُلُوبُهُمْ**; mereka juga telah mula bermusafir (berdakwah) bersama-sama Qafilah Madani di jalan Allah; mereka yang pada mulanya hanya berminat untuk mengumpul harta kekayaan dunia telah mula berazam dengan menanamkan di dalam pemikiran matlamat Madani iaitu 'saya akan cuba memperbaiki diri sendiri dan umat seluruh dunia' **إِنْ شَاءَ اللَّهُ عَزَّوَجَلَّ**.

صَلُّوا عَلَى الْحَبِيبِ صَلَّى اللَّهُ تَعَالَى عَلَى مُحَمَّدٍ

Mesej Dawat-e-Islami tersebar di 195 buah negara

Dengan rahmat Allah **عَزَّوَجَلَّ** juga berkat Nabi Nya **صَلَّى اللَّهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ**, Berkat Para Sahabatnya dan pautan rohani dengan para Ahlillah, juga dengan sokongan dari Ulama & Masyaikh Ahli Sunnah Wal Jamaah **دَامَتْ قُلُوبُهُمْ** juga usaha gigih Amir Ahle

Sunnat, Mesej Madani yang ditubuhkan di Karachi bukan saja telah tersebar diseluruh pelusuk Pakistan, bahkan (ketika ini) ianya telah tersebar di 195 negara termasuk India, Bangladesh, Arab-Arab Bersatu, Sri Lanka, England, Australia, Korea dan Afrika Selatan. Usaha untuk mengembangkan lagi sedang dijalankan **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ عَلٰى اِحْسَانِهِ**.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ عَزَّوَجَلَّ! Pada masa ini (iaitu pada 1435 Hijrah), Dawate Islami telah berkhidmat lebih dari 92 kawasan. Ijtimaat Sunnah Mingguan telah diadakan di seluruh dunia di beribu kawasan yang berbeza. Para pendakwah yang tidak terkira banyaknya mempunyai semangat berkobar-kobar untuk berdakwah bersama-sama Qafilah Madani dengan membawa misi: 'saya akan cuba memperbaiki diri sendiri juga umat di seluruh dunia.' **اِنَّ شَاءَ اللّٰهُ عَزَّوَجَلَّ**.

Allah karam aysā karay tujh pay jahān mayn

Ay Dawat-e-Islami tayrī dhūm machī ho

صَلُّوْا عَلٰى الْحَبِيْبِ صَلَّى اللّٰهُ تَعَالٰى عَلٰى مُحَمَّدٍ

Berdakwah kepada golongan bukan islam

Dengan Kesungguhan tersebut, Syeikh Tariqat Amir Ahl-e-Sunnat **دَاعَتْ بَرَكَاتُهُمُ الْعَالِيَه** telah Melatih Beribu Muridnya dan telah ditanam pada Mereka Semangat yang tinggi didalam usaha untuk Mengubah Diri sendiri kearah kebaikan Dan Juga manusia sejagat disetiap penjuru Dunia. Berkat Usaha dan kesungguhan tersebut, Para Pendakwah (yang dilatih oleh

Ameer Ahl-e-Sunnat) telah menginspirasi ramai manusia kearah pengamalan Ajaran Islam, Sekali Gus mengembangkan Dakwah Ke Arah Kebenaran. Berjuta-Juta Umat Islam telah mula mengikuti cara hidup Islam yang sebenar, mula menjaga Solat Dan Mengamalkan Sunnah, dan ramai telah Memeluk Islam Di berlainan negara Hasil Daripada Usaha Para Pendakwah Dawat-e-Islami

Non Muslim memeluk Islam

Saudara Islam yang dihormati! Rombongan Pencinta Rasul 'Madani Qafilah' (selama 92 hari) sampai di Colombo (Sri Lanka) yang mana mereka datang dari Markaz Madani Antarabangsa Dawat-e-Islami, Faizan-e-Madinah, Bab-ul-Madinah, Karachi (Pakistan). apabila tiba waktunya untuk Madani Qafilah Berdakwah ke daerah lain (selama 30 hari), seorang saudara telah membawa seorang pemuda bukan Islam berjumpa Amir (Ketua) Qafilah. Dengan mencontohi (Sunnah) Akhlak Nabi yang mulia صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ, Amir daripada Qafilah Madani mengajak pemuda itu untuk memeluk Islam. Pemuda itu bertanya beberapa soalan yang ia tidak faham tentang islam dan telah dijawab dengan oleh Amir Qafilah dengan jawapan yang sangat memuaskan. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ عَزَّوَجَلَّ. akhirnya pemuda itu memeluk Islam selepas satu setengah jam. (Faizan-e-Sunnat, Bab: Adab-e-Ta'am, vol. 1, m/s 261) Semoga Allah عَزَّوَجَلَّ memberkati seluruh Muslimin dan Muslimat juga Saudara-Saudara Baru Islam dengan diberi taufiq dari Allah!

صَلُّوا عَلَى الْحَبِيبِ صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَى مُحَمَّدٍ

Madani Qafilah

Didalam mengikuti jejak langkah para Solihin terdahulu, Amir Ahle Sunnat **دَاعِيَةُ بَرَكَاتِهِمُ الْعَالِيَةِ** juga berdakwah kejalan Allah pada zaman awal Dawat-e-Islami. Dia telah keluar untuk berdakwah mengajak umat manusia kearah kebaikan dengan menaiki bas juga keretapi ke kawasan pendalaman yang jauh, kawasan yang terpencil, kampung-kampung dan bandar-bandar di mana beliau kadang-kadang menyampaikan dakwah (pesanan Madani) lebih dari sekali dalam sehari. Demi untuk mengelakkan diri dari sifat meminta-minta, beliau selalu membawa makanannya sendiri termasuk garam atau air dia keluar dakwah Karachi untuk menyampaikan dakwah (pesanan Madani) atau aktiviti-aktiviti Madani lainnya di kawasan Bab-ul-Madinah, beliau selalu membawa makanannya sendiri termasuk garam atau air, demi untuk mengelakkan diri dari sifat meminta-minta.

Pada waktu awal dahulu, Beliau sering pulang ke rumah pada lewat malam dan ia selalu berjalan sejauh 5-6 kilometer kerana pengangkutan awam menurunkannya pada separuh perjalanan kerana Beliau tidak mempunyai duit yang cukup untuk menaiki teksi atau beca tambang. Selain mengajak orang ke arah kebaikan, dia juga menziarahi orang yang sakit, menghadiri pengebumian yang dekat dan jauh dan juga menghiburkan hati muslimin yang sedang dilanda kesedihan, hingga mereka merasa kagum dengan budi bahasa dan akhlak beliau.

Dengan rahmat Allah **عَزَّوَجَلَّ** dan dengan usaha yang ikhlas dan gigih dari Amir Ahl-e-Sunnat **دَاعِيَةُ بَرَكَاتِهِمُ الْعَالِيَةِ**, Dawate Islami

telah melancarkan satu gerakan besar Qafilah Madani di peringkat Domestik dan Global. Para Pencinta Rasul dari Qafilah Madani yang tidak terkira banyaknya telah mengembara untuk menyampaikan dakwah (Pesanan Madani) dari negara ke negara, bandar ke bandar untuk 3, 12 & 30 hari dan juga selama 12 dan 26 bulan untuk menyebarkan pengetahuan agama, Sunnah dan ajakan ke arah kebaikan.

صَلُّوا عَلَى الْحَبِيبِ صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَى مُحَمَّدٍ

Wajah bercahaya membawa kepada pemeluk Islam

Pada tahun 1425 Hijrah (Januari 2005), Nigran (Ketua Majlis Tertinggi dari Dawat-e-Islami Markaz Majlis Shura) dan beberapa ahli Majlis Berune Mumalik (Majlis bagi negara-negara asing) telah bermusafir bersama Madani Qafilah ke Afrika Selatan dari Bab-ul-Madinah, Karachi [Pakistan]. Qafilah Madani juga pergi melihat sebidang tanah untuk dijadikan Markaz Madani, Faizane Madinah. Saudara islam yang ada di tempat tersebut meraikan kedatangan Qafilah Madani dengan gembira .orang bukan islam menjadi terpegun apabila melihat wajah Para Ahli Qafilah yang datang. pemilik tapak itu yang bukan beragama Islam datang ke depan Nigran syura dan berkata, ‘Tolong jadikan saya seorang Muslim.’

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ عَزَّوَجَلَّ! pada waktu itu juga dia Melafazkan Shahadah dan memeluk Islam. semua umat islam disitu sangat gembira diatas keislaman dan gema laungan takbir’ Allah, Allah memenuhi ruang udara. (Faizan-e-Sunnat, Bab: Adab-e-Ta’am, jild 1, M/s 409)

Nota: Untuk mengetahui lebih lanjut tentang keberkatan Madani Qafilah dan ilmu islam yang lain, dapatkan kitab 'Faizan-e-Sunnat '(jilid 1) atau' Dawat-e-Islami Ki Madani Baharain' yang mana boleh didapati di seluruh cawangan Maktaba-tul-Madinah.

Madrasah Madani

Untuk mengajak orang kepada kebenaran dengan berkesan, Pusat Pembelajaran Madani telah ditubuhkan di beberapa buah negara di dunia yang mana saudara Islam dari dekat dan jauh telah datang untuk mempelajari Sunnah bersama Para Pencinta Rasul dan menyebarkan sunnah yang telah dipelajari di merata tempat. Saudara Islam yang dipertanggung jawabkan setiap masa berkhidmat di pusat ini. ini adalah supaya mereka yang berhajat untuk mendapatkan mutiara ilmu Islam boleh mendapatkannya pada bila-bila masa .

Pembinaan Masjid

Ia adalah satu keinginan Syaikh Tariqat Amir Ahl-e-Sunnat **دَامَتْ بَرَكَاتُهُمُ الْعَالِيَهُ** untuk memperbanyakkan pembinaan masjid dengan tujuan untuk mengembalikan suasana seperti mana pada zaman dahulu yang mana majoriti umat Islam banyak menghabiskan masa mereka di Masjid untuk beribadah dan berzikir kepada Allah **عَزَّوَجَلَّ**. Banyak Masjid telah didirikan setakat ini. Satu Majlis iaitu yang dinamakan Majlis 'Khuddam-ul-Masajid' telah ditubuhkan untuk memberikan penyelenggaraan atau khidmat dengan berkesan. Majlis ini berterusan didalam pembangunan Masjid di seluruh dunia.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ عَزَّوَجَلَّ! Beberapa Madani Marakiz iaitu Faizan-e-Madinah juga telah dibina di berbagai negara, dan banyak lagi sedang didalam pembinaan dengan persetujuan Majlis Markaz Shura Dawat-e-Islami .

Sunnat kī bahār āyī Faizān-e-Madīnah mayn

Rahmat kī ghatā chāyī Faizān-e-Madīnah mayn

Mata air Sunnah telah tiba di Faizane Madinah

Awan Rahmat mengelilingi Faizane Madinah

Perbelanjaan untuk pembangunan Dawat-e-Islami Madani Marakiz, Jāmia-tul-Madinah, Madaris-ul-Madinah dan untuk kegiatan Madani lain diperolehi melalui sumbangan yang diterima daripada orang Islam. Walau bagaimanapun, tidak semua orang dibenarkan untuk meminta sumbangan untuk Dawat-e-Islami kerana mereka mestilah mendapatkan Kelulusan dari Markaz Majlis Shura Dawate Islami.

Imam Masjid

Banyak Masjid di zaman ini yang mana pihak pengurusan tidak mampu untuk membayar gaji para Imam, Muazzin dan Siak.maka dengan niat untuk membantu kepada Ahli Masjid, Dawat-e-Islami telah menyediakan bantuan kewangan kepada mereka (didalam bentuk gaji).

Saudara Istimewa

Dengan rahmat Allah عَزَّوَجَلَّ dan usaha Amir Ahl-e-Sunnat, ramai saudara Islam yang pekak, bisu dan buta telah dididik

mengenai ajaran Islam. Biasanya Masyarakat menganggap mereka seperti golongan yang tidak penting dalam masyarakat dan sebahagian daripada mereka langsung tidak mempunyai pengetahuan mengenai agama.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ عَزَّوَجَلَّ! Majlis untuk saudara Islam yang istimewa telah ditubuhkan bagi menyebarkan Sunnah kepada mereka. Sesi pembelajaran yang berasingan telah diadakan di berbagai kota di Pakistan selama seminggu sewaktu Ijtima Mingguan dan juga pada malam hari di bulan Ramadhan. Semasa program ini dijalankan, Naat, Tausiah, Zikir dan Doa semuanya dilakukan di dalam bahasa isyarat.pada masa yang sama, kursus Qufl-e-Madinah selama 30 hari juga berlangsung di mana para pendakwah mempelajari bahasa isyarat supaya mereka boleh menyebarkan dakwah kepada saudara istimewa.pada masa yang sama, Qafilah Madani khusus untuk saudara istimewa juga turut berlangsung.

Non Muslim memeluk Islam

Pada tahun 2007, satu rombongan ‘Madani Qafilah’ (orang yang cacat penglihatan) keluar Dakwah dengan menaiki bas ke sebuah Masjid di Bab-ul-Madinah, Karachi. Beberapa ‘saudara Islam’ juga menyertai Qafilah. dengan niat untuk mengikuti Sunnah Rasullullah, Amir (ketua) Qafilah telah memulakan perbualan dengan orang yang duduk di sebelahnya. Orang itu berkata, ‘Saya bukanberagama Islam, tetapi saya telah mempelajari tentang Islam dan saya terkesan dengannya, tetapi karektur orang yang melakukan kejahatan dari umat

Islam sendiri pada hari ini telah menjadi penghalang untuk saya untuk memeluk Agama Islam. tetapi saya hairan bila melihat kamu semua memakai pakaian putih dan memberi salam sesamamu apabila hendak menaiki bas. Yang lebih mengherankan lagi orang yang cacat penglihatan bersama kamu turut memakai serban berwarna hijau dan pakaian putih bahkan menyimpan janggut.’ Mendengar kata-kata non muslim itu, Amir Qafilah telah memberikan pengenalan ringkas kepadanya tentang Suasana Persekitaran Madani (Madani Mahol) Dawat-e-Islami, juga Pengenalan tentang ‘Majlis untuk saudara Khas’. Dia juga telah dimaklumkan tentang Sumbangan besar untuk Agama berkat usaha Amir Ahl-e-Sunnat **دَامَتْ بَرَكَاتُهُمُ الْعَالِيَهُ**. Beliau juga diberitahu bahawa para saudara Islam (yang cacat penglihatan) bermusafir bersama Madani Qafilah untuk berdakwah kepada orang yang fasik (yakni orang yang selalu membuat maksiat yang mana mereka jugasalah satu penyebab yang menjadi penghalang bagi non muslim untuk memeluk Islam). Maka dengan perasaan Kagum dia memeluk Islam dengan mengucapkan Kalimah Syahadah.

Nota: Untuk mengetahui lebih lanjut kisah-kisah orang buta, pekak dan bisu Madani, dapatkan buku yang bertajuk ‘Gunga muballigh’ yang diterbitkan oleh Maktaba-tul-Madinah.

Dakwah di Penjara

Selalunya, mereka yang lemah pengetahuan mengenai Al-Quran & Sunnah mudah diperdaya oleh Nafsu dan syaitan

dengan mendorong mereka kepada untuk melakukan kejahatan seperti membunuh, mencuri merompak, zina, dadah, perdagangan manusia, perjudian dan banyak lagi yang akhirnya berakhir di dalam penjara.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ عَزَّوَجَلَّ! Satu Majlis telah ditubuhkan iaitu 'Majlis Faizane Quran' yang mana tujuan penubuhan majlis ini adalah untuk mengubah para banduan. Kesan dari aktiviti Madani yang dilaksanakan di dalam penjara, sebilangan besar dari perompak dan penjenayah telah menginsafi diri mereka dan bertaubat. Bahkan bekas-bekas banduan ini juga turut sama mengembara untuk berdakwah bersama dengan Qafilah Madani selepas dibebaskan dari penjara dan menjalani kehidupan mereka berdasarkan sunnah. Ramai banduan yang dahulu tidak ragu-ragu untuk menembak orang kini telah jatuh cinta dengan mutiara Sunnah yang indah. Sebilangan Banduan non Muslim telah yang memeluk Islam hasil daripada usaha para pendakwah Dawat-e-Islami. Syaikh Tariqat, Amir Ahl-e-Sunnat, 'Allamah Maulana Abu Bilal Muhammad Ilyas Attar Qadiri Razavi Ziyae **داعية بركاتهم العالیه** telah mengatakan:

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ عَزَّوَجَلَّ! Aktiviti Madani Dawat-e-Islami sedang dijalankan di dalam penjara. Selain aktiviti-aktiviti dakwah yang lain, pengajian bacaan Quran dengan betul juga diajarkan kepada banduan. Tambahan pula, 'Kursus syar'ie juga dilaksanakan untuk pengajaran hukum syar'i. Ramai orang-orang yang tidak mahu berubah terhadap perbuatan jenayah mereka walaupun sedang dihukum oleh pihak polis telah insaf hasil berkat persekitaran Madani di Dawat-e-Islami,

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَزَّوَجَلَّ! Di sini dituliskan kisah berkaitan oleh seorang wanita Islam dari pejabat pos daerah Kasur Khuddian, kota kelahiran seorang wali yang terkenal, Baba Bulleh Shah رَحْمَةُ اللهِ تَعَالَى عَلَيْهِ: 'Sejak lapan tahun saya menjadi janda, Saya hanya mempunyai seorang anak lelaki yang suka bergaduh dan menjual dadah yang mana bergabung dengan pertubuhan kongsi gelap. Saya cuba menghalangnya dari perbuatan terkutuk itu tetapi sia-sia. Malah dia sanggup memukul dan memaki saya. Dia pernah ditangkap beberapa kali oleh pihak polis tetapi saya berjaya membebaskannya. Dia pernah didakwa dengan pelbagai jenayah. Sehingga, akhirnya ia dijatuhi hukuman penjara. Hampir lapan bulan kemudian, apabila dia pulang ke rumah selepas dibebaskan atas jaminan, saya terkejut melihat anak saya yang pernah memukul dan memaki saya sekarang pulang dengan tangisan minta ampun kepada saya, hinggakan dia baring di kaki saya.

Tidak lama kemudian azan solat Maghrib berkumandang di udara dan dia pergi ke Masjid untuk solat berjemaah. Seorang yang masa mudanya dihabiskan dengan menyumpah orang lain telah berubah menjadi seorang yang tenang air mukanya dengan wajah yang bercahaya kini selalu melafazkan kalimah إِنَّ شَاءَ اللهُ، مَا شَاءَ اللهُ، الْحَمْدُ لِلَّهِ، سُبْحَانَ اللهِ. Selepas solat isyak secara berjemaah di masjid ia kembali ke rumah untuk berehat. Saya pun berehat.

Apabila saya bangun kira-kira jam 2 pagi, saya tidak menemukannya di tempat tidur. Bimbang, saya mengesyaki bahawa beliau pergi melakukan jenayah lagi seperti sebelumnya

tetapi alangkah terkejutnya saya apabila melihatnya sedang menunaikan Solat Tahajjud dengan rendah hati dan khusyuk di sisi rumah. Selesai Solat, dia berdoa kepada Allah عَزَّوَجَلَّ dengan membaca syair berikut:

Gunāḥaun say mujḥ ko bachā yā Ilāḥī

Burī khaṣṣlatayn bhī chūṛā yā Ilāḥī

Khaṭāon ko mayrī miṭā yā Ilāḥī

Mujḥay nayk khaṣṣlat banā yā Ilāḥī

Tujḥay wāsiṭah sāray Nabiyaun kā Maulā

Mayrī bakhsh day ḥer khaṭā yā Ilāḥī

Selamatkan aku dari dosa, wahai Yang Maha Esa!

Bebaskanlah aku dari sifat yang buruk, Wahai Yang Maha Esa!

Hapuskanlah dosaku , wahai Yang Maha Esa!

Jadikanlah aku hamba yang soleh, wahai Yang Maha Esa!

Dengan Berkat para Nabi, wahai Yang Maha Esa!

Ampunilah segala dosaku, wahai Yang Maha Esa!

Melihat anakku didalam tangisan, saya juga menangis dan memeluknya. Kami berdua sama-sama menangis. Setelah itu, saya bertanya kepadanya apakah yang menyebabkan dia berubah dengan ketara. Beliau menceritakan yang dia beruntung kerana dapat mengenali persekitaran Madani Dawat-e-Islami di penjara di mana Para Pendakwah dari Dawat-e-Islami telah

mengajarkannya cara-cara mengambil wudhu, Solat, Sunnah, doa dan cara membaca Al-Quran dengan betul. Dia bertaubat diatas segala dosanya berkat usaha individu yang dijalankan oleh para pencinta Rasul.

Saya sangat gembira apabila mendengarnya. Dan saya amat berterima kasih kepada Pendakwah Dawat-e-Islami yang telah menjadi sebab anak saya yang sebelumnya derhaka, penjenayah dan menjual dadah telah menyesal dan bertaubat dan meninggalkan semua perbuatan yang jahat. Ia adalah sumbangan dan bantuan yang besar dari Dawat-e-Islami kepada saya, seorang ibu yang tidak berdaya. Semoga kesemua anak-anak dipenjara diberkati dengan persekitaran Madani di Dawat-e-Islami supaya mereka meninggalkan kejahatan dan membuka lembaran baru dengan mengamalkan Sunnah.

Nota: untuk mengetahui lebih lanjut mengenai dakwah di penjara, dapatkan buku kecil yang bertajuk 'Perkhidmatan Dawat-e-Islami di Penjara' di setiap cawangan Maktabatul Madinah.

صَلُّوا عَلَى الْحَبِيبِ صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَى مُحَمَّدٍ

Jemaah I'tikaf

Dua atau tiga tahun sebelum gerakan Dawat-e-Islami ditubuhkan, Amir Ahl-e-Sunnat دَاعَتْ بَرَكَاتُهُمُ الْعَالِيَةِ lazim beri'tikaf seorang diri pada bulan Ramadhan di Masjid Nurpasar kertas, Mithadar Bab-ul-Madinah Karachi (di mana beliau juga pada ketika itu menjadi Imam Masjid). Tahun berikutnya, berkat niat dakwahnya

yang ikhlas, dua saudara muslim turut beri'tikaf bersamanya. Hasil daripada usaha gigih dan sikap yang baik dari Amir Ahl-e-Sunnat **دَامَتْ بَرَكَاتُهُمُ الْعَالِيَهُ**, bilangan Mu'takifin (para jemaah yang turut sama beri'tikaf bersamanya) meningkat setiap tahun sehingga ia mencapai 28 orang.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ عَزَّوَجَلَّ! Pada tahun yang sama, Dawat-e-Islami telah mula menyinar, dimana I'tikaf berjemaah bersama 60 Mu'takifin juga bersama sahabatnya yang dipercayai Amir Ahl-e-Sunnat **دَامَتْ بَرَكَاتُهُمُ الْعَالِيَهُ** diadakan di bawah pengawasan Dawat-e-Islami di Markaz Madani pertamanya, yang bertempat di Masjid Gulzar-e-Habib (Gulistan-e-Okarvi, Bab-ul-Madinah Karachi).

Trend I'tikaf berjemaah kini telah jauh berkembang di dalam dan di luar Pakistan. Pada bulan Ramadhan yang suci, I'tikaf berjemaah selama 30 hari dan sepuluh hari terakhir dilakukan tidak terhitung banyaknya di Masjid serata dunia. Beribu saudara muslim menghadiri I'tikaf ini di mana mereka belajar tentang ilmu agama dan sunnah, di samping melakukan ibadah sunat. Selanjutnya, banyak Mu'takifin bermusafir bersama Madani Qafilah pencinta Rasul di malam Aidul Fitri. Para muslimah yang tak terhitung jumlahnya juga melakukan I'tikaf di rumah-Masjid (iaitu Masjid Bayt) di rumah mereka di mana ramai muslimah yang lain juga belajar sunnah di dalam kumpulan ini bersama saudara muslimah yang lain.

Nota: Untuk mengetahui lebih lanjut peristiwa Madani dari I'tikaf berjemaah, bolehlah membacanya pada kitab yang berjudul Faizan-e-Sunnat (Vol 1) pada bab yang bertajuk

‘Berkat Ramadhan’ dan buku kecil ‘Dawat-e-Islami Ki Baharain’ di mana-mana cawangan Maktabatul Madinah.

Perubahan Madani di kalangan putri Islam

رَضِيَ اللهُ تَعَالَى عَنْهُمْ! Jutaan putri Islam juga telah banyak menerima mesej Madani dari Dawat-e-Islami. Ramai perempuan yang mengikuti fesyen ala barat dan dibesarkan didalam masyarakat yang tidak bermoral telah bertaubat, bahkan telah menjadi muslimah yang menjadikan Ummaha-tul-Mukminin رَضِيَ اللهُ تَعَالَى عَنْهَا sebagai ikutan. Mereka yang dahulu mengunjungi pusat beli-belah, pusat iburan, kelab malam dan pawagam, telah mula menutup aurat dan memakai purdah yang mana ia merupakan bahagian yang tidak boleh dipisahkan dari pakaian mereka dengan niat untuk mengikuti jejak langkah para wanita yang dikagumi Nabi. رَضِيَ اللهُ تَعَالَى عَنْهُمْ, Sejumlah besar Ijtima mingguan turut diadakan untuk putri Islam di pelbagai tempat seluruh dunia.

رَضِيَ اللهُ تَعَالَى عَنْهُمْ! Beberapa Madrasa-tul-Madinah [untuk muslimah] telah ditubuhkan di mana muslimah boleh menghafaz dan membaca Al-Quran secara tajwid yang betul tanpa sebarang yuran. Begitu juga, beberapa Jamia-tul-Madinah juga telah ditubuhkan di mana tujuan penubuhannya adalah untuk melahirkan ‘Alimah. رَضِيَ اللهُ تَعَالَى عَنْهُمْ, bilangan Hafizah dan ‘Alimah semakin meningkat hari demi hari di Dawat-e-Islami. ‘Alimah juga tidak kurang bandingannya dengan Alim madni (lelaki) di dalam khidmat kepada Sunnah.

Sekilas aktiviti Madani bulanan muslimat.

Di sini adalah contoh senarai ringkas mengenai aktiviti madani yang dilakukan oleh para muslimat di Pakistan pada bulan Jamadil Akhir 1435 Hijrah (April 2014). Senarai ini disediakan oleh 'Majlis Muslimat Dawat-e-Islami' di Pakistan.

1. Lebih kurang 52.805 muslimat menghadiri pengajian di rumah (yang menjadi tempat untuk para muslimat menimba ilmu).
2. Kira-kira 3584 Madrasa-tul-Madinah untuk muslimat dewasa diadakan setiap hari di seluruh Pakistan di mana 34904 saudara muslimat telah mengambil bahagian, memperoleh ilmu dari Al-Quran & Sunnah juga Doa.
3. Hampir 4801 Halaqah atau 'Alaqah Ijtima' mingguan diadakan di mana 218.976 muslimat telah mengambil bahagian.
4. Hampir 932 sesi pembelajaran mingguan telah diadakan.

*Mayrī jis qadar ḥayn beḥnayn, sabḥī Madanī Burqa' peḥnayn;
Ḥo karam Shāh-e-Zamānah, Madanī Madīnay wālay ﷺ*

Lihat bagaimana persekitaran Madani membangkitkan rohani!

Disini dituliskan sebuah cerita ringkas tentang seorang wanita dari Bab-ul-Madinah Karachi. Dia mengatakan: walaupun saya

pernah menghafal Al-Quran atas suruhan orang tua, saya langsung tidak mengulangi hafalan dan Saya juga selalu meninggalkan Solat hingga Ibu bapa saya menjadi bimbang dengan cara hidup saya. Saya suka kepada fesyen baru barat dan muzik. Lebih teruk lagi saya suka menonton drama tv. Saya juga peminat tegar seorang penyanyi dan kawan saya selalu berkata dengan niat bergurau yang saya akan mengingati artis itu walaupun waktu nazak tiba. Jika saya terlepas dari satu episod drama dari penyanyi itu, saya akan menangis bahkan sanggup tidak makan. saya menjalani cara hidup yang penuh kelalaian dan dosa.

Salah seorang dari ibu saudara saya yang selalu menghadiri ijtima Sunnah Dawat-e-Islami sering mengajak saya untuk menghadiri Ijtima tetapi saya selalu memberi alasan supaya tidak mengikutinya. Dia tidak kecewa malah selalu mengajak saya ke Ijtima'. Akhirnya dengan berkat kesabarannya, saya telah menghadiri satu Ijtima Mingguan dimana tausiah, zikrullah **عَزَّوَجَلَّ** dan doa munajat diadakan yang mana semua itu meninggalkan kesan yang dalam kepada saya. Seorang kakak dari Halqah Nigran sangat mesra kepada saya dan selalu datang ke rumah saya untuk membawa saya ke majlis ijtima'.

Berkat Usaha olehnya telah memberi azam yang baru kepada saya untuk menyertai persekitaran Madani Dawat-e-Islami, yang juga menjadi asbab kepada saya untuk bertaubat kepada Allah dari melihat filem, mendengar lagu dan segala dosa yang lain. Saya menjadi gementar dan takut kepada Allah **عَزَّوَجَلَّ** apabila mendengar kaset ceramah dari Ijtima Sunnah dan ia

membuatkan saya sedar tentang apa yang saya akan lakukan jika saya bertemu dengan kematian diwaktu menjalani kehidupan yang penuh melalaikan. Selain itu, buku kecil dan kitab terbitan Maktaba-tul-Madinah telah memberi inspirasi kepada saya rasa tanggungjawab juga mengambil bahagian didalam menyebarkan dakwah kepada kebenaran kepada saudari muslimat yang lain. Saya akan cuba memenuhi setiap tanggung jawab yang diberikan oleh saudari muslim yang telah lama istiqamah didalam berdakwah.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ عَزَّوَجَلَّ! Hingga kini saya masih berkhidmat bersama aktiviti Madani yang disusun oleh Majlis Dawat-e-Islami dan kini saya telah memikul tanggung jawab untuk ‘Alaqah Mushawarah. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ عَزَّوَجَلَّ!** Dalam persekitaran Madani, Mufti Dawat-e-Islami Al-Hafiz Muhammad Faruq ‘Attari Al-Madani **عَلَيْهِ رَحْمَةُ اللّٰهِ الْعَلِيِّ** membaca al-Quran sehingga khatam pada setiap hari bersama tujuh orang muridnya. Mengikuti jejak beliau, saya juga kini membaca satu Manzil dari al-Quran setiap hari.

Semoga Allah **عَزَّوَجَلَّ** memberkati hidup saya dengan diberi ketabahan! **اٰمِيْنَ بِجَاهِ النَّبِيِّ الْاَمِيْنَ صَلَّى اللّٰهُ تَعَالٰى عَلَيْهِ وَاٰلِهِ وَسَلَّمَ**

*Istiqāmat Dīn per Yā Mustafā ker do ‘aṭā
Bahre Khabbāb o Bilāl o Āle Yāsir Yā Nabī*

*Berkatilah aku dengan ketabahan di dalam agama, Ya Nabi
Demi Khabbab, Bilal dan Ale Yasir Ya Nabi*

صَلُّوْا عَلٰى الْحَبِيْبِ صَلَّى اللّٰهُ تَعَالٰى عَلٰى مُحَمَّدٍ

Madani In'amat

Dalam era yang penuh dosa ini, Sheikh Tariqat, Amir Ahl-e-Sunnat **دَامَتْ بَرَكَاتُهُمْ الْعَالِيَةِ** telah mengilhamkan sebuah cara untuk melakukan amalan yang baik dalam bentuk soal selidik iaitu 'Madani In'amat', yaitu satu buku kecil yang dapat menolong secara menyeluruh baik dari segi syariat maupun tarekat. Terdapat 72 soalan Madani In'amat untuk lelaki Muslimin, 63 untuk Muslimat, 92 untuk pelajar lelaki, 83 untuk pelajar perempuan, 40 untuk kanak-kanak Madani dan 27 soalan untuk saudara Muslim khusus (yaitu buta, bisu dan pekak).

Ramai muslimin, muslimat dan pelajar telah mengamalkan Madani In'amat dengan menjawab soalan dari buku bersaiz poket secara harian semasa melakukan Fikr-e-Madinah (muhasabah diri). Dengan rahmat Allah **عَزَّوَجَلَّ**, rintangan untuk membuat ketaatan dapat dijauhkan berkat Madani In'amat.

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَزَّوَجَلَّ! Dengan berkat Madani In'amat, masyarakat akan sentiasa menjadikan pemikirannya hanya untuk mengamalkan sunnah, mencegah dari melakukan dosa sifat untuk melindungi iman. Didalam usaha untuk menjadi seorang Muslim yang taat, disarankan untuk membeli buku kecil Madani In'amat di cawangan Maktaba-tul-Madinah dan menjawabnya pada tiap hari semasa melakukan Fikr-e-Madinah (muhasabah diri). Seseorang perlu membiasakan diri untuk memberikan buku kecil itu untuk diperiksa oleh orang yang bertanggung jawab bagi Madani In'amat pada sepuluh hari pertama bulan qamariah. Suatu khabar gembira bagi mereka yang mengamalkan Madani In'amat Muslimin Muslimat yang dikasihi! Betapa beruntungnya

mereka yang beramal dengan Madani In'amat! Bacalah cerita Madani ini: seorang pemuda islam dari Hyderabad (Bab-ul-Islam, Sindh) telah menceritakan bahawasanya: pada suatu malam di bulan Rajab-ul-Murajjab, saya telah dikurniakan oleh Allah suatu rezeki yang amat besar yaitu melihat Kekasihku صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ di dalam mimpi. Bibir yang Mulia mula bergerak dengan mengeluarkan kata-kata mutiara yaitu: 'Sesiapa yang melakukan Fikr-e-Madinah (muhasabah diri) setiap hari di bulan ini dengan mengamalkan Madani In'amat akan diampunkan dosanya oleh Allah عَزَّوَجَلَّ. (Faizan-e-Sunnat, Bab: Faizan-e-Ramadan, vol. 1, ms. 1135)

Madanī In'āmāt kī bhī marhabā kyā bāt hay

Qurbe Ḥaq kay tālibaun kay wāsīṭay sawghāt hay

Alangkah berkatnya Madani In'amat, Marhaba!

*Hadiah yang menarik kepada Umat untuk mendekatkan
diri pada Allah*

صَلُّوا عَلَى الْحَبِيبِ صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَى مُحَمَّدٍ

Madani Muzakarah

Bersama dengan Amir Ahl-e-Sunnat دَامَتْ بَرَكَاتُهُمُ الْعَالِيَهُ merupakan satu keistimewaan yang besar. Ramai Muslimin mengambil peluang untuk bersama Beliau dengan menghadiri 'Madani Muzakarah' di mana mereka boleh bertanya terus tentang Iman dan Amal, Syari'ah, Tariqah, Sejarah, biografi, sains, perubatan, moral, kerohanian, Islam, maklumat ekonomi, social, tentang oraganisasi Dawat-e-Islami dan banyak lagi topik lain.

Sheikh Tariqat, Amir Ahl-e-Sunnat **دَامَتْ بَرَكَاتُهُمُ الْعَالِيَه** menjawab soalan yang diberi dengan bijaksana mengikut sunnah Nabi kesayangannya. Beliau juga selalu mengajak para hadirin berselawat bersamanya dengan seruan **صَلُّوا عَلَى الْحَبِيبِ** :

Rawatan Rohani dan Solat Istikharah

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ عَزَّوَجَلَّ! Suatu Majlis dari Dawat-e-Islami yang dinamakan ‘Majlis Maktubat dan Ta’wizat Attariyyah sibuk didalam kini sibuk didalam memberi rawatan rohani percuma kepada Umat Islam yang bermasalah dalam bentuk Ta’wizat yang diizin oleh Syaikh Tariqat, Amir Ahl-e-Sunnat, ‘Allamah Maulana Muhammad Ilyas Attar Qadiri **دَامَتْ بَرَكَاتُهُمُ الْعَالِيَه**. Di samping itu solat Istikharah juga dilakukan setiap hari, demi untuk memberi manfaat kepada beribu orang Islam.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ عَزَّوَجَلَّ! Majlis pada waktu ini telah menyerahkan berjuta Ta’wizat kepada umat Islam. Selain itu, menurut anggaran yang dibuat pada 17-04-2014, lebih kurang 680 dan 180 pusat ta’wizat (untuk muslimin) di dalam dan diluar Pakistan. Dan hampir 250,000 pesakit beroleh manfaat dari Majlis ini. Juga hampir 70,000 Maktubat ‘Attariyyah (termasuk dihantar melalui pos atau melalui internet) dihantar lebih kurang setiap bulan. Begitu juga, setiap tahun lebih daripada 6 Juta Ta’wizat Attariyyah dan Wazaif telah diberi.

Dengan berkat pusat Ta’wizat ‘Attariyyah, hamper setiap bulan lebih daripada seratus Qafilah Madani (untuk tiga hari) perjalanan dan hampir sepuluh hingga sebelas ribu saudara Islam datang

ke persekitaran Madani juga menghadiri Ijtima Mingguan. dan pada setiap bulan lebih daripada 26,000 orang yang telah berbaiat kepada Tariqah 'Qadiriyyah Razawiyyah Attariyyah 'Aliyyah setiap bulan. Terdapat beberapa insiden Madani daripada Ta'wizat Attariyyah.

Barah Otak

Seorang saudara Islam dari Sukkur (Bab-ul-Islam, Sindh) telah menceritakan bahawasanya: Seorang lelaki dari kawasan kami mempunyai penyakit barah otak dan telah menjalani dua kali pembedahan. Dia berada di suatu keadaan yang sengsara dan menyedihkan sehingga membuat doktor menjadi putus asa. Pada waktu itu, seorang telah mencadangkan kepada keluarga pesakit itu agar mereka mendapatkan Ta'wizat Attariyyah tetapi ahli keluarga pesakit itu mengendhakkannya kerana kesedihan.

Maka pada suatu hari disebabkan bimbang dan sedih, adik pemuda itu datang ke pusat Ta'wizat attariyyah dan berkata dgn suara sedih, 'Abang saya sekarang didalam keadaan yang amat kritikal seolah-olah malam ini adalah malam terakhir untuknya. dia tidak lagi mengenali sesiapa dan menghadapi kesukaran untuk bernafas yang teruk. Berilah saya apa-apa Ta'wiz untuknya. sambil menenangkannya pemuda itu, saudara Islam majlis berkata: 'Jangan kecewa Allah عَزَّوَجَلَّ Maha Penyembuh. Ambilah Ta'wizāt ini; ramai pesakit yang menghidap penyakit yang mana doctor sendiri mengatakan tidak boleh diubati lagi telah disembuhkan dengan berkat Tawizat ini.

Pada hari berikutnya, adik pesakit itu datang ke pusat ta'wiz dengan yang wajah gembira sambil berkata, 'Apabila saya sampai kerumah, saya ikatkan Ta'wiz yang diberi ke leher abang saya (yang keadaannya amat kritikal), tiba-tiba ia membuka matanya dalam beberapa minit, yang membuatkan semua ahli keluarga menjadi hairan. ia kemudian memberi isyarat kepada ahli keluarga untuk membuat dia duduk.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ عَزَّوَجَلَّ! Ia juga sudah mula makan. Dua hari kemudian, saudara Islam yang mengalami penyakit itu sendiri datang ke Pusat Ta'wizat Attariyyah (dengan berjalan kaki) untuk bertemu saudara-saudara Islam yang bertanggungjawab di pusat dan memberitahu kepada mereka bahawa keadaannya telah bertambah baik hingga 75 peratus, اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ عَزَّوَجَلَّ!

صَلُّوْا عَلَيَّ الْحَبِيْبِ صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيَّ مُحَمَّدٍ

Nota: Untuk mengetahui lebih lanjut tentang rawatan rohani, dapatkan buku kecil 'Khaufnak Bala', 'Pur Israr Kutta', 'Singaun Wali Dulhan' dan 'Khush Nasib Marid'

Terbitan Maktabatul madinah.

Latihan untuk Para Jemaah Haji Pada musim Haji, Ulama dari Dawat-e-Islami telah menyediakan suatu latihan kepada Jemaah yang mahu menunaikan Haji di bawah pengawasan Majlis Haji & Umrah (Dawat-e-Islami). Kitab 'Rafiq-ul-Haramayn dan 'Rafiq-ul-Mu'tamirin' diajar dan diedarkan kepada jemaah secara percuma untuk bimbingan mengenai Haji dan ziarah ke Madinah Al-Munawwarah رَادَاهَا اللهُ شَرَفًا وَتَعْظِيمًا.

Institusi Pendidikan Islam

Sheikh Tariqat, Amir Ahl-e-Sunnat **دَاعِيَةُ بَرَكَاتِهِمُ الْعَالِيَةِ** telah mengatakan bahawasanya, ‘Pelajar adalah aset dan pemimpin masa depan negara. Jika mereka dilatih untuk beramal kepada syari'at dan sunnah, maka ketaatan kepada Allah dan Nabi yang dikasihi serta diberkati **صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ** akan menjadi keutamaan pada masyarakat. ‘Dalam usaha untuk membiasakan para guru dan pelajar dengan sunnah nabi **صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ**. Maka aktiviti Madani hendaklah dilakukan di institusi pendidikan seperti madrasah, sekolah, kolej dan universiti. Ramai Pelajar telah menghadiri Ijtima Mingguan juga turut serta mengembara bersama Qafilah Madani.

إِلْحَفْنَا لِلَّهِ عَزَّوَجَلَّ! Ramai pelajar yang dahulunya yang tidak melakukan ketaatan dan gemar Ilmu Pengetahuan Duniawi kini telah taat kepada Allah serta mengikuti sunnah. Disamping itu, Kursus ‘Faizan Al-Quran dan Hadis’ juga diadakan pada musim cuti untuk latihan agama pelajar.

Jamia-tul-Madinah

Cawangan pertama Jamia-tul-Madinah telah dirasmikan di bawah pengawasan Dawat-e-Islami pada tahun 1995 pada tingkat dua bangunan Madrasa-tul-Madinah yang terletak di Godrah koloni New Karachi, Bab-ul-Madinah Karachi. kini banyak cabang baru telah dibuka. Pada masa penulisan ini (iaitu 5 Syaaban 1435 Hijrah) 337 Jamiat yang dinamakan ‘Jamia-tul-Madinah’ telah diwujudkan di mana lebih kurang 10,916 pelajar lelaki mendapat pendidikan di Dars Nizami (disertai asrama,

inginapan kemudahan juga keperluan). dan pada masa yang sama, hampir 6,867 pelajar perempuan juga mendapat pendidikan Kursus 'Alimah secara percuma. Pelajar Jamiat dari keluaran Dawat-e-Islami telah banyak mencapai kejayaan yang luar biasa didalam peperiksaan yang dikelolakan oleh Tanzim-ul-Madaris, Pertubuhan utama Pakistan di seluruh negara untuk Madrasah Ahl-e-Sunnah. Kadangkala pelajar dari jamiyah ini berada di tempat pertama, kedua dan ketiga. Gelaran 'Madani' diberikan kepada pelajar yang telah tamat Dars Nizami dari Jamia-tul-Madinah.

Madrasa-tul-Madinah

Begitu banyak Tahfiz Al-Quran dan Nazirah kini telah diwujudkan yang diberi nama (Madrasa-tul-Madinah). Pada waktu ini (iaitu Rajab 1435H), lebih kurang 2049 Madarisul Madinah (untuk kanak-kanak lelaki & perempuan) sedang beroperasi di Pakistan. Lebih daripada 101430 kanak-kanak lelaki juga perempuan sedang menghafal quran serta Nazirah di setiap Madaris dengan percuma.

Madrasa-tul-Madinah (untuk orang dewasa)

اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى رَسُوْلِكَ مُحَمَّدٍ! Di bawah pengawasan pergerakan dakwah global yang berpandukan kepada Al-Quran dan Sunnah dan bukan politik 'Dawat-e-Islami', beribu Madaris-ul-Madinah (untuk orang dewasa) dikendalikan setiap hari biasanya selepas solat Isya' di Masjid di mana golongan dewasa dapat mempelajari Al-Quran dan doa dengan tajwid dan cara Solat yang sempurna serta pelbagai Sunnah secara percuma.

Klinik

Klinik juga telah ditubuhkan di mana rawatan perubatan percuma disediakan kepada pelajar dan pekerja. mereka juga dipindahkan ke hospital besar untuk rawatan perubatan, jika perlu. Pada Markaz madani Global Faizan-e-Madinah Bab-ul-Madinah Karachi, 11 katil hospital disediakan di klinik disamping khidmat perubatan yang mencukupi.

Takhassus Fil-Fiqh

Dawat-e-Islami juga telah diberi penghormatan untuk menganjurkan satu kursus Dars Nizami yang dikenali sebagai Takhassus fil-Fiqh untuk pelajar Jamia-tul-Madinah di bawah pengawasan Ulama yang Berwibawa. Sangat ramai pelajar yang telah tamat Dars Nizami mempelajari ilmu tentang fatwa dari kursus ini yang mana mengambil masa dua tahun. Satu ujian dilakukan untuk kemasukan ke kursus ini. Elaun juga diberikan kepada pelajar supaya mereka boleh menumpukan perhatian terhadap kursus ini tanpa memikirkan masalah kewangan. Buat masa ini, kursus ini hanya dijalankan di Jamia-tul-Madinah Faizan-e-Madinah Bab-ul-Madinah, Karachi.

Selain memperoleh latihan semasa kursus ini, pelajar juga dikehendaki mempelajari Fatawa-e-Razawiyah (semua 30 jilid) dan Bahar-e-Shari'at (20 bahagian) sebagai kajian individu. Selain itu, ia juga perlu bagi pelajar untuk mengkaji koleksi besar fatwa yang disiarkan dalam bahasa Urdu dari Mufti Ahl-e-Sunnah. Selepas itu tahap Mutakhassis fil fiqh diberikan kepada seseorang yang menulis 1200 fatawa di bawah pengawasan

para Mufti. Dan seseorang yang menulis 1400 Fatawa dinaikkan ke pangkat Naib Mufti. Dan pada lebih drp 1400 Fatawa, maka tertakluk kepada kelulusan Majlis Dar-ul-Ifta Dawat-e-Islami Majlis untuk memberi penetapan Mufti atau Musaddiq (iaitu seorang yang diberi kuasa untuk menyokong Fatawa). Kursus Takhassus Fil Funun dan Tawqit juga ditawarkan selama setahun.

Majlis Tahqiqat Shariah

Untuk menyelesaikan isu-isu baru yang dihadapi oleh umat Islam, Majlis Tahqiqat Shariah telahpun ditubuhkan. Majlis ini terdiri daripada para Mufti dan Ulama Madani Dawat-e-Islami.

Dar-ul-Ifta Ahl-e-Sunnah

Beberapa Dar-ul-Ifta Ahl-e-Sunnah telah ditubuhkan di pelbagai tempat seluruh Pakistan di mana para Mufti dan Ulama Ahl-e-Sunnah Dawat-e-Islami sibuk didalam menyediakan panduan syariah kepada Masyarakat Islam. Pada masa penulisan ini, lebih daripada 15000 jawapan (termasuk dari soalan yang dihantar melalui internet) dikeluarkan dari 10 cawangan Dar-ul-Ifta Ahl-e-Sunnah yang terletak di bandar yang berbeza seluruh Pakistan. Kebanyakan Fatawa dihantar dalam bentuk cetakan.

Di samping itu, beribu saudara Islam telah mendapat jawapan tentang masalah mereka pada telefon atau dengan melawat Dar-ul-Ifta sendiri didalam usaha untuk menangani isu-isu mereka bertepatan dengan Syari'at. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ عَزَّوَجَلَّ**! Usaha ini sedang dijalankan.

Dar-ul-Ifta Ahl-e-Sunnah Online

Kemudahan berbentuk talian Dar-ul-Ifta Ahl-e-Sunnah boleh didapati di laman web Dawat-e-Islami (www.dawateislami.net) Keraguan non Muslim tentang Islam juga dijawab bahkan mereka juga diajak untuk memeluk Agama Islam.

Maktabatul Madinah

Jutaan Kitab karangan A'la Hadrat رَحْمَةُ اللهِ تَعَالَى عَلَيْهِ, Amir Ahl-e-Sunnat دَامَتْ بَرَكَاتُهُمُ الْعَالِيَةِ dan Ulama Islam lain yang diterbit oleh Maktaba-tul-Madinah telah sampai ke tangan orang Islam di seluruh Dunia disamping menyebarkan dan pengamalkan Sunnah.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ! Dawat-e-Islami mempunyai mesin cetak sendiri. Berjuta-juta kaset audio dan VCD yang mengandungi Tausiah dan Madani Muzakarah telah merata seluruh dunia.

Al-Madina-tul-'Ilmiyyah

Majlis 'Al-Madina-tul-'Ilmiyyah' adalah terdiri daripada Para Ulama dan Mufti dari Dawat-e-Islami. Majlis telah bercita-cita untuk memikul tanggungjawab agama dengan berkhidmat didalam bidang sains Islam, penyelidikan dan juga penerbitan. Ia mempunyai Enam Shu'bah (jabatan).

1. Syu'bah Kutub A'la Hadrat (Kitab A'la Hadrat رَحْمَةُ اللهِ تَعَالَى عَلَيْهِ)
2. Syu'bah Dars Kutub (Kitab sukatan pelajaran)
3. Syu'bah Islah Kutub (Kitab tentang cara memperbaiki diri)
4. Shu'bah Taftish Kutub (penelitian Kitab)

5. Syu'bah Takhrij (rujukan dari petikan)
6. Syu'bah Tarajim Kutub (terjemahan Kitab)

Keutamaan 'Madina-tul-'Ilmiyyah' adalah untuk membentangkan Kitab yang sangat Berharga karangan A'la Hadrat, Imam Ahl-e-Sunnah, Imam Ahmad Raza Khan عَلَيْهِ رَحْمَةُ الرَّحْمٰن didalam cara yang mudah difahami untuk keperluan Umat masa kini.

Majlis Taftish Kutub Rasail

Memandangkan kerja Madani Dawat-e-Islami sedang giat berkembang, umat Islam menjadi lebih berminat untuk membaca Kitab-Kitab agama. Suatu masa dahulu lebih yang hanya kurang 20 hingga 30 Kitab yang dikarang oleh Ulama Ahl-e-Sunnah dijual di sebuah Majlis agama tetapi sekarang, **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ عَزَّوَجَلَّ**, beribu-ribu Kitab telah dijual. banyak Kedai yang menjual Kitab Islam Ahl-e-Sunnah telah dibuka, dan telah muncul banyak pengarang dari kalangan Ahl-e-Sunnah yang mana hasil penulisan mereka juga sudah diterbitkan.

Bahawasanya satu trend perniagaan yang mana jika permintaan untuk sesuatu produk meningkat, maka pengeluar akan memberi lebih tumpuan kepada peningkatan kuantiti tersebut untuk mendapatkan lebih banyak wang daripada mengekalkan kualitinya. Keadaan yang sama dapat dilihat apabila ia berkaitan dengan kitab. Trend menjual kitab yang penuh dengan kesilapan dengan pencetakan yang salah adalah sangat membimbangkan. didalam usaha untuk mengatasi keadaan yang membimbangkan ini, ramai pemilik kedai kitab dan Para pengarang juga

penyusun baru telah dijemput untuk menghadiri Madani Mushawarah, yang mana untuk mengingatkan pada mereka perasaan takut akibat penyebaran kitab yang berkemungkinan boleh menyebabkan penyelewengan ajaran Islam oleh pencetakan kitab yang salah. dan ia sangatlah memberi kesan yang mendalam pada mereka. Oleh itu, untuk mencegah dari tersebarnya penyelewengan di kalangan umat Islam dari dosa yang disebabkan oleh percetakan kitab yang salah, 'Majlis Taftish Kutub Rasail' (jabatan penelitian kitab dan risalah) telah ditubuhkan yang mana Majlis ini akan meneliti pengarang dan penyusun kitab yang berbeza dari segi pegangan, akhlak, tata bahasa Arab dan hukum syariah dan mengeluarkan sijil pengesahan selepas itu.

Kursus Madani

Banyak kursus yang berbeza telah diadakan untuk melatih para pendakwah. Sebagai contoh, kursus 41 hari Qafilah Madani dan Madani In'amat, kursus Tarbiah 63 hari, Kursus Imam masjid dan kursus mengajar dan banyak lagi. Didalam usaha untuk menyebarkan dakwah kepada kebenaran di kalangan insan yang bisu, pekak dan buta, kursus 30 hari Qul-e-Madinah telah diadakan untuk para pendakwah bagi melatih mereka untuk bertutur didalam bahasa isyarat. Di dalam kursus ini Para pendakwah akan belajar untuk bercakap, menyampaikan tausiah, membaca Naat (syair didalam bahasa urdu) serta zikir dan doa yang mana semuanya didalam bahasa isyarat.

صَلُّوا عَلَى الْحَبِيبِ صَلَّى اللَّهُ تَعَالَى عَلَى مُحَمَّدٍ

Menghadihkan Pahala Kepada Para Arwah

Untuk Menghadihkan pahala kepada Orang yang telah meninggal dunia, Maktaba-tul-Madinah telah menyediakan kemudahan untuk mencetak nama arwah pada kitab seperti Faizan-e-Sunnat, Hukum-hakam Solat, Solat (untuk Muslimat) serta banyak lagi Kitab serta Risalah dan lain-lain (yang mana saudara Islam boleh menghubungi Maktaba-tul-Madinah jika berminat)

صَلُّوا عَلَى الْحَبِيبِ صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ عَلَى مُحَمَّدٍ

Gerai dari Maktaba-tul-Madinah

Maktaba-tul-Madinah telah menyediakan suatu kemudahan berbentuk stall kecil untuk mengedar kitab dan risalah secara percuma melalui keluarga pada majlis perkahwinan, pengebumian dan lain-lain. Anda hanya menghubungi Maktabah dan seluruh perkhidmatan itu diuruskan oleh kakitangan Maktabah.

Majlis Tarajim

Kitab-Kitab dan Risalah yang diterbitkan oleh Maktabatul Madinah diterjemahkan oleh Majlis Tarajim didalam pelbagai bahasa dan telah disebar ke seluruh dunia. **إِنَّا نَحْمَدُ اللَّهَ عَزَّوَجَلَّ** 32 Terjemahan ke 32 bahasa seluruh dunia sedang dijalankan termasuklah:

1. Arabic
2. English
3. French
4. Spanish
5. Russian
6. Norwegian

- | | | |
|-------------|--------------|----------------|
| 7. Danish | 8. Dutch | 9. Chinese |
| 10. Italian | 11. Thai | 12. Korean |
| 13. German | 14. Chichewa | 15. Portuguese |
| 16. Malay | 17. Turkish | 18. Greek |
| 19. Creole | 20. Bengali | 21. Telugu |
| 22. Tamil | 23. Kannada | 24. Hausa |
| 25. Swahili | 26. Hindi | 27. Gujarati |
| 28. Sinhala | 29. Nepali | 30. Persian |
| 31. Sindhi | 32. Pashto | |

Ijtima' di luar Negara

Pada masa ini, Majlis ijtima' mingguan telah diadakan yang dihadiri ribuan saudara Islam tempatan di beberapa buah negara. Dengan berkat majlis perhimpunan ini, ramai orang kafir memeluk agama Islam dari masa ke semasa. mereka juga melakukan pengembaraan dakwah di jalan Allah pada penghujung majlis perhimpunan.

Tarbiyyati Ijtima'at

Ijtima Tarbiyah (yang berlansung selama Dua atau tiga hari) telah dijalankan dari saudara muslimin yang diper tanggung jawab kan dari dalam dan luar Pakistan. Ribuan saudara Islam yang bertanggungjawab menghadiri Ijtima'at ini yang mana bukan hanya untuk menyemarakkan semangat mereka tetapi juga untuk diberi panduan menyeluruh tentang bagaimana untuk menjalankan kerja Madani Dawat-e-Islami dengan cara yang lebih berkesan.

Dawat-e-Islami kī Qayyūm

Saray jahān mayn mach jāye dhūm

Is pay fidā hō bachchaḥ bachchaḥ

Yā Allah عَزَّوَجَلَّ mayrī jḥaulī bhār day

Semoga Dawate Islami Gemilang!

Di seluruh dunia, Ya Qayyum عَزَّوَجَلَّ!

Semoga setiap hamba taat kepada MU!

Ya Allah عَزَّوَجَلَّ! Moga-moga doa saya diqabulkan!

صَلُّوا عَلَى الْحَبِيبِ صَلَّى اللَّهُ تَعَالَى عَلَى مُحَمَّدٍ

Madani Channel

Jika para penyembah berhala (kufar)membuka sebuah hotel di kawasan Muslim, maka akan menjadi sukar untuk Umat islam untuk menyakinkan kepada orang lain bahwa makanan seperti daging atau apa sahaja makanan dari hotel itu Haram. Tetapi jika orang Islam juga membuka sebuah hotel di kawasan yang sama, masalah itu akan dapat diatasi secara automatik, kerana akan memudahkan umat Islam untuk makan di hotel Muslim sahaja. Sama halnya dengan TV yang mana kini hampir ada di setiap rumah. kesemua Umat Muslim telahpun menyedari tentang kejahatan TV secara meluas didalam masyarakat kita. Walaupun para Muballigh Dawat-e-Islami cuba sebaik mungkin untuk membasmi TV daripada masyarakat, mereka hanya cuma mencapai sedikit kejayaan .

Malangnya, kebanyakan manusia pada masa kini begitu tertarik dengan TV seolah-olah mereka tidak dapat menahan keinginan untuk menonton TV walaupun menyedari kesan buruk terhadap kehidupan didunia dan akhirat. Hasil daripada daya tarikan TV yang melampau ini telah banyak merosakkan akhlak dan sahsiah hidup mereka, bahkan menyerang nilai Islam. Para anti Islam juga berusaha untuk memutarbelitkan ajaran Islam dengan menggunakan nama 'Islam moden', yang mana berhasrat untuk menghilangkan semangat Islam dari hati umat Muslim.

Jikalau ketika ini kita mengancam penggunaan TV melalui ceramah di Masjid, tiada perubahan ketara dijangka akan terjadi dan yang mana 5% Umat Islam yang solat di masjid yang mana sebahagian besar daripada mereka yang solat berjemaah di masjid tidak mempunyai minat untuk mendengar ceramah. Selain itu, para muslimah tidak dibenarkan untuk datang ke Masjid (didalam mazhab Hanafi para muslimat tidak dibenarkan untuk solat di masjid), maka bagaimana untuk mereka mengetahui tentang nasihat serta ceramah yang disampaikan didalam masjid?

Jika kita terbitkan kitab atau buku kecil, hanya beberapa orang Islam sahaja berminat untuk membacanya. Didalam keadaan genting dan membimbangkan ini, jika usaha kami untuk mengajak umat Islam hanya di Masjid dan Ijtima' (jemaah) sahaja, maka kita tidak akan dapat berdakwah atau menyampaikan mesej Islam kepada sebahagian besar umat Islam sejagat. Pada masa yang sama, musuh-musuh Islam sentiasa berusaha untuk menggoda dan menyesatkan umat

Islam dengan maklumat yang mengelirukan dan diputarbelitkan melalui saluran TV mereka.

Oleh itu, kami telah akhirnya membuat kesimpulan bahawasanya ia mungkin mustahil untuk menghapuskan kesan saluran TV yang merbahaya ini sepenuhnya dari masyarakat. Kami dibiarkannya dengan hanya satu sebab sebagai contoh, dalam kes banjir berat, aliran air dialihkan ke arah ladang untuk melindungi rumah-rumah dan pada masa yang sama boleh beroleh manfaat ladang pengairan, begitu juga, ajaran Islam boleh disebarkan melalui medium TV dimana ia berupaya untuk menyedarkan umat Islam dari tidur didalam kelalaian dan juga membuat mereka sedar tentang kesan buruk akibat dari dosa dan ketidakpatuhan kepada ajaran Islam.

Oleh itu, kita sedar bahawa mungkin perlu untuk melancarkan suatu saluran TV Islam untuk menyediakan kepada Umat Islam tentang ajaran Islam yang sebenar tanpa filem, lagu, muzik dan semua jenis kegiatan-kegiatan yang berdosa. Jadi Majlis Markaz Syura dari Dawat-e-Islami bercadang untuk melancarkan TV Madani (Madani Channel) pada bulan Ramadhan, 1429 Hijrah (2008). Madani Channel adalah menyampaikan seruan mesej Sunnah ke rumah umat Islam dan telah beroleh kejayaan besar didalam tempoh yang sangat singkat.

Telah terbukti bahawa umat Islam pada zaman ini akan kekal selamat dari saluran dosa TV lain selagi mereka terus menonton Madani Channel. Dengan rahmat Allah ﷺ, Madani Channel ketika ini telah mencapai kejayaan yang memberansangkan di luar jangkaan kami. Kami menerima ribuan mesej tahniah dan

galakan setiap hari dari seluruh dunia. Selain tahniah, mesej yang disampaikan melalui saluran ini juga telah membuat perubahan besar yang positif kepada hidup orang ramai kesan dari menonton Madani Channel. Ramai telah bertaubat, mula tidak meninggalkan solat dan mengamalkan kehidupan berlandaskan Sunnah. Bahkan orang kafir juga dilaporkan telah memeluk Islam disebabkan menonton Madani Channel. di sini diceritakan tiga insiden Madani daripada Madani Channel, hanya sebagai contoh:

1. Seseorang pemuda Non Muslim memeluk Islam

Seorang saudara Islam dari Markaz-ul-Awliya (Lahore) menceritakan bahawa terdapat televisyen di bengkel kawasan mereka. pekerja bengkel menonton saluran yang berbeza di TV. Apabila Madani Channel Dawat-e-Islami dilancarkan pada bulan Ramadan yang suci tahun 1429 AH (2008), mereka sangat teruja dengan terbitan bersiri dan mula menonton Madani Channel setiap hari. Salah satu daripada pekerja di bengkel tersebut adalah pemuda bukan Islam. Pemuda itu juga terpesona dengan terbitan bersiri Madani Channel.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ عَزَّوَجَلَّ! Beliau menjadi sangat tertarik dengan kesederhanaan Amir Ahl-e-Sunnat *دَامَتْ بَرَكَاتُهُمُ الْعَالِيَه* dan selepas hanya tiga hari menonton Madani Channel, beliau mengucapkan kalimah syahadah justeru memeluk Islam.

Kufr kay aywān mayn Maulā dāl day yeh zalzalah

Yā Ilāhī! Ta abd jāri rahay yeh silsilah

*Semoga Gempa Bumi terjadi di istana kekufuran terjadi
Dan semoga dia (pemuda yang memeluk Islam) berjaya hingga
hari kiamat*

صَلُّوا عَلَى الْحَبِيبِ صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَى مُحَمَّدٍ

2. Sekarang saya berasa malu menonton saluran maksiat

Seorang pendakwah wanita Dawat-e-Islami telah menceritakan bahawasanya terdapat seorang perempuan yang mana seluruh ahli keluarganya betul-betul tidak dapat menahan kesabaran untuk menonton saluran yang berunsur maksiat setiap hari. TV dihidupkan awal pagi, dan tayangan wanita yang berpakaian tapi telanjang serta tarian dan maksiat yang lain juga berunsur. Anak kecil juga turut bersama menonton program bermaksiat di TV selepas mereka pulang dari sekolah.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ عَزَّوَجَلَّ Apabila tiba bulan Ramadan (1429 Hijrah, 2008), satu kurniaan yang besar muncul dalam bentuk siaran (Madani Channel), yang dikendalikan oleh para pencinta Rasul.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ عَزَّوَجَلَّ! Di rumah keluarga Islam itu, yang mana sebelumnya televisyen hanya menonton siaran yang berunsur maksiat sepanjang masa kini hanya menonton Madani Channel. Jika salah seorang ahli keluarga itu menukar kepada saluran yang mempunyai maksiat, maka mereka akan segera menukar kepada Madani Channel. Suaminya berkata, 'Saya berasa amat malu jika menukarkan siaran channel lain yang bermaksiat kerana saya' Attari dan Murshid(guru) saya ialah Amir Ahl-e-

Sunnat *وَامْتَشَبَرَكَاثُهُمُ الْعَالِيَهُ* yang mana terdapat dalam Saluran Madani. Jadi Bagaimana saya boleh menonton saluran lain yang menyiarkan program maksiat?

Madanī Channel kī muhim hay Nafs-o-syaiṭān kay khilāf

Jo bhī daykhay gā karay gā إِنَّ شَاءَ اللَّهُ عَزَّوَجَلَّ i'tirāf

Tujuan Madani Channel adalah melawan syaitan dan nafsu

Sesiapa yang menonton Madani Channel pasti akan bersetuju

صَلُّوا عَلَى الْحَبِيبِ صَلَّى اللَّهُ تَعَالَى عَلَى مُحَمَّدٍ

3. Pub ditutup

Seorang saudara Islam dari Markaz-ul-Awliya (Lahore) telah menceritakan bahawa seorang pemilik kelab di kawasan mereka menjual arak dan memainkan filem lucah. Apabila dia melihat suatu siri daripada Madani Channel di bulan Ramadhan 1429 Hijrah (2008) dia begitu terkesan sehingga berhenti dari perniagaan menjual arak dan lain-lain tetapi juga bahkan menutup kelab malamnya dalam tempoh dua hari.

Nota: Untuk mengetahui lebih lanjut tentang keberkatan dan keajaiban saluran 'Madani Channel' dapatkan risalah buku kecil 'para kuffar memeluk Islam' yang diterbitkan oleh Maktabatul Madinah.

Madrasatul Madinah Online

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ عَزَّوَجَلَّ! Pada bulan Syawal Mukarram 1432 AH (September 2011) satu Majlis 'Madrasatul Madinah Online' telah ditubuhkan

yang mana ia menyediakan kemudahan untuk mempelajari Al-Quran dengan tajwid kepada umat Islam berbeza negara melalui bantuan internet tanpa mengenakan apa-apa bayaran. Selain dari mempelajari kaedah bacaan Al-Quran yang betul, asas Fardu Ain Islam seperti wudu', Mandi wajib, tayamum, Azan, Solat, zakat, puasa, haji dan lain juga diajar kepada saudara Islam.

Darul Madinah

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ! Pada 25 Safarul Muzaffar tahun 1432 Hijrah (31 Januari, 2011), satu lagi jabatan yang amat penting iaitu 'Darul Madinah' telah ditubuhkan. Pembentukan jabatan penting ini adalah bertujuan untuk mendidik generasi baru umat Islam berkaitan ilmu sains Islam & dunia juga dengan niat berserta inspirasi untuk mendidik mereka menjalani kehidupan berlandaskan Sunnah.

8 Mutiara Madani Dawate Islami

Dari: Sheikh Tariqat, Amir Ahle Sunnat, 'Allamah Maulana Abu Bilal Muhammad Ilyas Attar Qadiri Razavi دامت بركاتهم العالیه

1. Tujuan asas Dawat-e-Islami adalah untuk menyebarkan 'Islam' kepada seluruh umat manusia di dunia ini dengan cara memperbanyakkan para Pendakwah yang berpegang teguh kepada Sunnah dan 'menjauhi sangkaan buruk' kepada para Ulama Ahl-e-Sunnah yang pakar dalam bidang ini.

2. 'Islamisme' di sini merujuk kepada ucapan dan perbuatan Nabi yang Mulia dan dikasihi صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ yang mana diamalkan oleh Sayyidina Imam Abu Hanifah, Imam Sayyidina Malik, Sayyidina Imam Syafie dan Sayyidina Imam Ahmad Bin Hanbal رَضِيَ اللهُ تَعَالَى عَنْهُمْ, yang disebarikan oleh Sayyidina Imam Abul Hasan Ashari dan Sayyidina Imam Abu Mansur Al Maturidi رَضِيَ اللهُ تَعَالَى عَنْهُمَا, yang telah diikuti oleh Penghulu Kota Baghdad, Ghaus-ul-A'zam, Sayyidina Syaikh 'Abdul Qadir Al-Jailani, Gharib Nawaz Sayyidina Khawajah Mu'inul Haq Waddin Chishti, Sayyidina Syaikh Shahabul Haq Waddin As-Suhrawardi dan Sayyidina Syaikh Baharul Haq Waddin Naqshbandi رَضِيَ اللهُ تَعَالَى عَنْهُمْ, yang mana diteladani oleh para Ulama Ahli Sunnah, sebagai contoh, pengarang Raddul Mukhtar, Khatim-ul-fuqaha, Sayyidina Syaikh Sayyid Muhammad Aminuddin Ibn 'Abidin Shami مَجْلِسُ سِرَّةِ السَّامِي, Sayyidina Shah Mulla Jiwan hindi عَلَيْهِ رَحْمَةُ اللهِ الْقَوِي Sayyidina Shah 'Abdul 'Aziz Muhaddis Dihlevi عَلَيْهِ رَحْمَةُ اللهِ الْقَوِي dan ramai lagi terutamanya A'la Hadrat, Imam Ahli Sunnah, pembasmi bidaah, Mujaddid ummah, penghidup semula sunnah, Ulama Syari'at, panduan dari Tarekat, 'Allamah, Maulana, Al -Haj, Al-Hafiz, Al-Qari Ash-shah Imam Ahmad Raza Khan عَلَيْهِ رَحْمَةُ الرَّحْمَنِ yang telah menghuraikan dengan jelas pegangan (para Solihin) dalam kitab-kitabnya yang sangat memberi bermanfaat seperti Al-Mu'tamatul Mustanad, Tamhidul Iman, Hussamul Haramain dan lain lagi.
3. Kesemua umat Islam hendaklah berpegang teguh dengan pemahaman yang sama daripada A'la Hadrat عَلَيْهِ رَحْمَةُ اللهِ تَعَالَى عَلَيْهِ.

Pegangan Akidah A'la Hadrat رَحْمَةُ اللهِ تَعَالَى عَلَيْهِ adalah sama seperti pegangan Para sahabat Nabi dan para Solihin iaitu beriman kepada keesaan Allah عَزَّوَجَلَّ dan menyembah hanya kepada Nya, dan beriman kepada Nabi yang dikasihi Muhammad صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ sebagai seorang manusia yang benar dan Nabi terakhir diutus oleh Allah عَزَّوَجَلَّ. juga ia merangkumi didalam menegakkan kebesaran keesaan Allah عَزَّوَجَلَّ dan kesucian RasulNya صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ, tidak menolak walaupun satu hukum kewajipan Islam, menjauhi perkara yang boleh menyebabkan kekufuran kepada Allah صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ, ketidakpatuhan kepada NabiNya صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ dan sahabat Nabi رَضِيَ اللهُ تَعَالَى عَنْهُمْ, dan menjauhi orang kafir.

4. Para Ulama Islam Ahli Sunnah dipandang tinggi dan mulia oleh orang ramai oleh kerana ilmu agama mereka. Pahala Seorang ulama yang beribadat adalah lebih banyak berbanding seorang yang bukan ulama. Sayyidina Muhammad Ibn 'Ali رَضِيَ اللهُ تَعَالَى عَنْهُمَا telah meriwayatkan, 'solat 2 rakaat seorang Ulama lebih afdol dari solat 70 Rakaat seorang bukan ulama.' (*Kanz-ul-Ummāl, vol. 10, ms . 87*)

Oleh itu, adalah perlu bagi setiap Umat Islam amnya juga yang bersama dengan Dawat-e-Islami khususnya tidak bertentangan dengan Ulama Ahli Sunnah, tidak abai didalam memberi penghormatan dan kemuliaan pada mereka dan mengelakkan diri dari memandang rendah pada perbuatan mereka, menjauhi diri dari melakukan dosa besar seperti mengumpat mereka dengan mengkritik watak dan perbuatan tanpa kebenaran syari'at, yang mana

ia merupakan dosa besar dan perbuatan Haram yang boleh membawa kepada neraka.

Sayyidina Abul Hafs Al-Kabir عَلَيْهِ رَحْمَةُ اللَّهِ الْقَدِيرِ telah mengatakan, 'Seseorang yang mengumpat Ulama (akan datang) pada hari kiamat nanti (dia didalam keadaan yang) ia akan ditulis di wajahnya; orang ini adalah orang yang berputus asa dari rahmat Allah عَزَّوَجَلَّ. (*Mukashafatul Qulub, Bayan Fi Al-ghibah, ms. 71*) Sayyidina Abu Zar Al-Ghifari رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ telah meriwayatkan, 'Ulama adalah tanda dan bukti Allah عَزَّوَجَلَّ di bumi; sesiapa yang mengkritik seorang Ulama maka ia akan hancur. (*Kanzul 'Ummāl, vol. 10, ms. 77*)

A'la Hadrat Imam Ahmad Raza Khan عَلَيْهِ رَحْمَةُ الرَّحْمَنِ telah mengatakan, 'mencari kesalahan seorang ulama Islam dan tujuan kepadanya adalah Haram. Jika, kerana ini, orang yang tinggal jauh dari seorang ulama Islam dan memberikan sehingga pemerolehan pengetahuan arahan daripada beliau, adalah membawa maut untuknya.' (*Fatawa Razawiyyah, vol. 23, ms. 711*)

Ketakutan pasti akan dirasai pada mereka yang mencela para ulama dengan mengungkapkan kalimat yang menghina seperti: 'Hati-hati darinya saudara! Beliau adalah seorang 'Alim (ulama)! 'kebanyakan Ulama bersikap tamak', 'Mereka dengki pada kami', 'Disebabkan kita, tiada siapa peduli tentangnya,' tinggalkan dia!, (مَعَاذَ اللَّهِ عَزَّوَجَلَّ) sesetengah orang yang benci kepada ulama pula mencaci mereka

seperti 'ini orang alim yang Cuma mengetahui tentang ilmu agama sahaja, tetapi jahil dengan ilmu keduniaan!, Para ulama zaman sekarang lemah pada jalan Ahli Sunnah, (kadang-kadang, mereka yang tidak suka untuk mendengar ceramah atau nasihat akan menamakan mereka seperti ceramah para ustaz) .

Sambil menyifatkan kebiadapan yang berbeza kepada Ulama Islam yang berpandukan syariah, A'la Hadrat رَحْمَةُ اللهِ تَعَالَى عَلَيْهِ telah mengatakan, 'Jika seseorang mencaci atau bercakap buruk mengenai seorang Ulama (dengan maksud mencaci dan menghina), maka hukumnya adalah kufur. Jika dia mengetahui tentang kewajipan untuk member penghormatan kepada ulama kerana pengetahuan agama yang dalam tetapi dalam masa yang sama dia berkata sesuatu yang buruk tentang ulama atau menyumpah, atau memandang rendah kerana beberapa permusuhan duniawi, maka ia adalah fasiq dan Fajir (pelanggar) yang teruk. Jika dia bersangka buruk (terhadap ulama Islam) tanpa apa-apa sebab, maka rohaninya sakit dan batinnya kotor, dan mungkin ia akan suka berbuat Kekufuran. Ia dinyatakan secara ringkas, مَنْ أَبْغَضَ عَالِمًا مِّنْ غَيْرِ سَبَبٍ ظَاهِرٍ خِيفَ عَلَيْهِ الْكُفْرُ (iaitu, sesiapa yang mempunyai niat jahat terhadap Ulama (Islam) tanpa alasan yang jelas, maka ia dalam bahaya (Kufur). (*Fatawa Razawiyyah, vol. 10, ms. 140*) Di bawah adalah beberapa contoh perkataan atau tindakan yang tidak menghormati Syari'at dan Ulama (Islam). مَعَادَ اللهِ عَزَّوَجَلَّ Jika seseorang pernah mencaci seorang ulama dengan perkataan atau tindakannya kerana kebencian dengan ilmu agama, maka orang itu harus

bertaubat dan memperbaharui imannya dan, jika ia telah berkahwin, maka ia juga perlu memperbaharui akad [nikah]. Dan jika dia adalah seorang murid (pengikut) dia juga perlu memperbaharui bai'ahnya.

- ❖ Mencaci Syari'ah adalah kufur. Sebagai contoh, jika seseorang berkata, 'Apakah yang perlu saya tahu tentang Shara' Wara '? (iaitu syari'ah yang sial), maka dia menjadi kufur. Begitu juga, jika seorang Ulama yang teliti dan dipercayai telah mengeluarkan fatwa kepada seseorang berkenaan sesuatu hukum dan orang itu melemparkan fatwa yang diterima ke lantai atau jika dia berkata, 'Sesungguhnya aku tidak membenarkan fatwa ini', (maka dia menjadi kufur). *(Diambil dari Bahare Shariat, bahagian 9, ms. 172)*
- ❖ 'Apa yang Mawlvi (Alim Agama) tahu?' Penghinaan seperti ayat seperti ini adalah jelas, dan penghinaan sebegini kepada Ulama Islam adalah kufur. *(Fatawa Razawiyyah, vol. 6, ms. 24)*
- ❖ Jika seseorang mengatakan bahawa 'Mawlvi (Alim Agama) semua penyangak', iaitu dia menghina semua Ulama; fatwa Kufur dijatuhkan pada orang itu. *(Fatawa Amjadiyyah, vol. 4, ms. 454)*
- ❖ 'Para Ulama pemusnah negara' - ini adalah suatu pernyataan kufur. *(Diambil dari Fatawa Razawiyyah, vol. 6, ms. 115)*
- ❖ Ia juga adalah kufur untuk mengatakan bahawa Mawlvis (para Ulama) pemusnah agama.

- ❖ Untuk mengatakan, 'Allah عَزَّوَجَلَّ telah menjadikan agama mudah, tetapi Mawlvīs (para Ulama) telah menyukarkannya; adalah kufur kerana بِالْأَشْرَافِ وَالْعُلَمَاءِ كُفْرٌ (iaitu menghina Ulama dan keturunan Nabi adalah kufur). (*Majma' Anhar*), vol. 2, ms. 509)
- ❖ Jika seseorang berkata, 'Ilmu yang Ulama ajar hanyalah kisah dan cerita dongeng', atau '... adalah hawa nafsu', atau 'hanya penipuan', atau jika dia berkata, 'Saya tidak percaya ilmu berdasarkan hilah (iaitu berpura-pura), iaitu beliau merujuk kepada syari'at sebagai suatu kepalsuan, maka ia menjadi kafir, dan semua kenyataan-kenyataan ini adalah kufur. (*Fatawa 'Alamgiri*, vol. 2, ms. 270)
- ❖ Jika seseorang berkata, 'Apa yang perlu saya buat dengan Ilmu Islam? Perlu ada wang di dalam poket!' fatwa kufur terpakai bagi seseorang itu.
- ❖ Jika seseorang berkata kepada seorang Ulama, 'Berambus dan simpan ilmu kamu dengan selamat periuk', untuk mengatakan ini adalah kufur. (*Fatawa 'Alamgiri*, vol. 2, ms. 271)

Ingat! Hanya Ulama Ahli Sunnah sahaja dilayan dengan hormat. Bagi ulama bidaah (Ulama suk yang merosakkan Iman), maka seseorang itu hendaklah mengelakkan diri dari mereka seperti wabak yang datang, juga melayan mereka dengan hormat, mendengar ucapan dan perkataan mereka, mengkaji buku-buku mereka dan turut serta bersama pertubuhan mereka semua adalah Haram seperti

racun yang boleh membawa maut kepada Iman seseorang (Iman Islam)

5. Amalan Ahli Sunnah adalah identiti kita. Oleh itu, Oleh itu, janganlah menunjukkan sebarang sikap tidak berminat di dalam mengikuti atau meneladani mereka. Sebagai contoh

a. Pada bulan yang diberkati Rabi-un-Nur, Sambutlah Maulidur Rasul (iaitu hari kelahiran yang diberkati Nabi (صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ) dengan penuh semangat. Hiasilah rumah anda, kedai dan lain-lain dengan lampu hiasan dalam tempoh 12 hari pertama, dan letakkan bendera hijau (di rumah anda, kereta dan lain-lain) untuk keseluruhan bulan.

Di samping itu, hiasilah Masjid dan kawasan anda dan dengan lampu hiasan dan bendera hijau. Luangkanlah malam hari kelahiran Nabi yang diberkati (iaitu malam ke-12 Rabiun Nur) di Majlis Ijtima 'Zikir Naat dan meraikan hari itu dengan ucapan 'selamat datang' Hari yang Berkat sambil berdiri bersama bendera hijau di tangan anda sambil membaca Mahal-ul-Qiyam pada waktu subuh. Pada hari 12 Rabiun Nur (iaitu hari Maulidur Rasul صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ, buatlah perarakan Maulidur Rasul juga melaungkan slogan 'Marhaba!'

b. Mengadakan Ijtima 'zikir Na'at pada hari 'Isra Miraj' Nabi صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ, hari haul Khulafa Ar-Rasyidin رَضِيَ اللهُ تَعَالَى عَنْهُمْ, Giyarwin tahunan Raza hari (25 Safar-ul- Muzaffar).

- c. Pada hari 'haul', pergilah mengembara didalam Madani Qafilah dengan berikhtiqaf di Masjid yang berhampiran dengan Maqam Orang Soleh dan berdakwah kepada kebaikan juga mengikuti jadual Madani Qafilah, juga meraih keberkatan yang melimpah ruah dari para solihin yang mana haul memperingatinya diadakan.
6. Semua yang berkaitan dengan Dawat-e-Islami perlu menjalankan kerja Madani daripada Dawat-e-Islami yang berada dalam lingkungan syari'at dan mentaati Markaz Majlis Shura, Intizami Kabinah negara mereka, Majlis Mushawarat malah Zayli Nigran daripada Mushawarah Markaz tempatan mereka.
7. Banyak manusia rugi besar didalam menyebarkan dakwah Agama yang mana Syaithan adalah puncanya sehingga membuat orang memfitnah antara satu sama lain. Oleh itu, jika anda menemui sebarang kejahatan atau kecacatan mana-mana saudara Islam, janganlah melakukan dosa besar seperti mengumpat (dengan mendedahkan kejahatan kepada orang lain tanpa izin syari'at). Sebaliknya, perlulah berlemah lembut didalam menegur saudara Islam itu secara peribadi. Jika ini tidak membantu, maka diamkanlah diri dan doakan untuknya.

Jika dikhuatiri perkara itu akan menyebabkan kerugian kepada khidmat Agama maka mendapatkan kerjasama daripada Zayli Nigran dari Ahli Musawarah anda sama ada dengan bercakap kepadanya secara peribadi atau

dengan menulis kepada beliau, dengan syarat bahawa dia mampu menyelesaikan isu itu. Jika dia tidak dapat menyelesaikannya, sampaikan isu itu kepada Halqah Nigran daripada Mushāwarat anda. Dan Jika dia juga tidak boleh juga menyelesaikan isu itu, maka langkah demi langkah, sampaikan ke Nigran daripada 'Alaqa Mushawarat, kemudian kepada Nigran bandar Mushawarat, kemudian kepada Nigran Bahagian Mushawarat dan kemudian kepada Nigran daripada Intizami Kabinah negara anda.

Ingat!, jika anda memaklumkan kepada seorang pun tentang yang buruk dari yang saudara Islam tanpa izin syari'at, anda berdosa tidak kira walaupun anda telah sampaikan isu itu kepada ahli organisasi yang tanggung jawab. Dan jika isu itu bocor kerana anda, yang mana ia menyebabkan organisasi menjadi rugi dalam kerja Madani (memperbetulkan kesilapan), dosa itu semua dipikul pada bahu anda kerana menyebabkan huru-hara, yang mana boleh menyebabkan anda patut dihukum dengan ngeri di akhirat.

8. Berikut adalah kriteria perlu dipatuhi untuk memberi Bayan (Ceramah) pada Ijtima Sunnah Mingguan dan lain-lain.
 - a) pendakwah yang cemerlang didalam Ilmu dan amal dengan kemampuan yang sangat baik dari pengajaran Ilmu Islam (sebagai contoh, orang-orang yang telah menamatkan Dars Nizami dan mempunyai pengetahuan yang luas di samping mempunyai ingatan yang kuat

dan kemampuan mengelakkan kesilapan) dibenarkan untuk menyampaikan ucapan tanpa kitab (iaitu dengan hati).

- b) Para pendakwah yang tidak cemerlang dalam ilmu perlu mendapatkan muka surat salinan dari kitab-kitab Ulama Ahli Sunnah, tampilkanya dalam diari dan sampaikan Ceramah dengan membaca daripada salinan kitab satu persatu (tidak mengubah walau satu ayat dari kitab tersebut).

*Ay Rab-e-Muhammad baĥr-e-Razā, 'Aṭṭār kī ĥo maqbūl Du'ā
Ĥer 'Dawat-e-Islami wālā' Sunnat kā 'alam leĥrātā rahay*

*Wahai Tuhan Muhammad! Demi Raza! Terima dan memenuhi doa Attar ini
Semoga setiap anggota Dawate Islami, terus Mengibarkan bendera Sunnah*

أَمِينٌ بِجَاهِ النَّبِيِّ الْأَمِينِ صَلَّى اللَّهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ

Untuk memperoleh keberkatan dalam kehidupan Dunia dan juga di Akhirat, anda dijemput untuk menyertai persekitaran Madani di Dawat-e-Islami. Hadirkan diri anda di Ijtima Sunnah mingguan yang diadakan di bandar anda, mengisi secara harian atas Madani Inaamat, mengembara bersama Madani Qafilah dan menonton Madani Channel.

صَلُّوا عَلَى الْحَبِيبِ صَلَّى اللَّهُ تَعَالَى عَلَى مُحَمَّدٍ

Sekilas pandang 95 jabatan Dawate Islami

1. Majlis Madani In'aamat (2) Majlis Madani Qafilah
3. Majlis Berune Mulk (warga asing) (4) Pusat Pembelajaran Madani
5. Majlis Ijtima Mingguan (6) Majlis Tarbiyyati Ijtimaat
7. I'tikaf secara berjemaah (pada Bulan Ramadhan selama 10-13 Hari)
8. Majlis Hajj & Umrah (9) Majlis Madani Muzakarah
10. Jami'atul Madinah (untuk lelaki)
11. Jami'atul Madinah (untuk perempuan)
12. Madrasatul Madinah (untuk lelaki)
13. Madrasatul Madinah(dalam waktu tertentu)
14. Kursus Madrasatul Madinah
15. Madrasatul Madinah (untuk perempuan)
16. Madrasatul Madinah (untuk Dewasa)
17. Madrasatul Madinah Online (18) Darul Madinah (untuk lelaki)
19. Darul Madinah (untuk perempuan) (20) Darul Madinah (Sekolah)
21. Darul Ifta Ahli Sunnah (22) Perpustakaan Al-Madinah
23. Takhassus Fil Fiqh (24) Majlis Ilaj
25. Majlis Tawqit
26. 26. Majlis untuk Pencapaian sijil & Mutiara Madani
27. Kursus berlainan (Madani In'aamat & Madani Qafilah , Qufle Madinah , Madani Tarbiyyati lain-lain lagi.)
28. Al-Madinatul 'Ilmiyyah (29) Majlis Tarajim
30. Maktabatul Madinah (31) Maktabatul Madinah stalls
32. Madani Channel (33) Majlis I.T (34) Majlis Movie Relay

35. Majlis Shu'ba Ta'lim
36. Kursus untuk Shu'ba Ta'lim
37. Majlis for Golongan Istimewa Islam(leleki)
38. Majlis Dakwah Di Penjara(39) Majlis untuk Peniaga
40. Majlis untuk Para Peguam dan Hakim (41) Majlis Pengangkutan\Kenderaan
42. Majlis untuk Para Doktor (43) Majlis untuk Doktor Homeopathic
44. Majlis Doktor Haiwan (45) Hakim Majlis
46. Majlis untuk Berdakwah kepada Ahli Sukan
47. Majlis 'Ushr dan Perkampungan' (48) Majlis Rabitah
49. Majlis Rabitah Bil Ulama Wal Masyaikh
50. Majlis Mazarat (Maqam) (51) Majlis untuk Media & Penerbitan
52. Majlis untuk Penjual Haiwan\Penjual Daging (53) Majlis Khuddamul Masjid
54. Majlis Aimmah Masajid
55. Majlis Maktubat Ta'wizat 'Attariyyah
56. Majlis Sahra Madinah
57. Majlis Penedaran Kitab
58. Majlis Bantuan (Pertolongan Bencana Alam seperti Gempa Bumi dan Banjir dan lain-lain lagi.)
59. Majlis Sumber Manusia(60) Majlis Kursus Imam Masjid
61. Langari Razawiyah(62) Majlis Maliyat(kewangan)
63. Majlis Aset (64) Majlis Ijarah (65) Majlis Sekuriti
66. Majlis Faizane Madinah (Markaz Madani)

67. Majlis Pembinaan (68) Majlis menyimpan Rekod Prestasi
69. Majlis Tabung Sumbangan Madani (70) Majlis Perumpamaan Madani
71. Majlis Faizane Murshid
72. Majlis Ghush dan Perumpamaan
73. Majlis Ijtima Zikr Naat
74. Majlis Khusus untuk saudara Baru Islam
75. Majlis Taftish Qiraat Masail
76. Madrasatul Madinah (untuk lelaki bersama Penginapan)
77. Online Courses ('Kursus Ulum Islamiyyah, Kursus Saudara Baru Islam, Kursus Ilmu Fardu ain)
78. Majlis Derma Kulit Binatang (79) Majlis Tahqiqat Shar'iyah
79. (80) Majlis berdakwah pada Penyanyi(artist)

Jabatan Muslimat

80. Majlis Musyawarah Global
81. Majlis Khidmat Kerja Madani untuk Muslimat
82. Majlis Faizane Murshid (84) Majlis Shu'ba Ta'lim
84. Majlis Golongan Istimewa Islam (Perempuan)(86) Majlis Madani Inaamat
86. Madrasatul Madinah (untuk Dewasa) (88) Kursus Majlis (89) Majlis Sekuriti (90) Majlis Rabitah
90. Kursus Pembelajaran Madani
91. Majlis Madrasatul Madinah Online
92. Majlis Ta'wizat Attariyyah (94) Majlis'Ilaj Majlis Memelihara Mashaf \ Lembaran Suci

Dengan Berkah Sunnah

حَلِّ اللَّهِ تَعَالَى عَلَيْهِ وَسَلَّمَ Sunnah Rasulullah ﷺ diajar dan dipelajari dalam perskitaran Madani Dawat-e-Islami, sebuah Pergerakan Quran dan Sunnah antarabangsa yang bukan berunsur politik propaganda. Ijtima mingguan di Karachi diadakan setiap Khamis selepas Sembahyang Maghrib di Faizan-e-Madina, Mahallah Sodagran, Old Sabzi Mandi. Ini adalah permintaan Madani supaya anda ikut serta dalam Ijtima ini dan cuba bermalam di Faizan-e-Madina.

Jadikanlah ia satu amalan untuk mengembara bersama pencinta-pencinta Rasulullah ﷺ dalam Qafilah Madani sambil menyumbang fikiran untuk mengisi kad harian In'amaat Madani dan menyerahkannya zimadaar di kawasan anda dalam sepuluh hari pertama setiap bulan berdasarkan kalendar Islam.

إِنَّ رَبَّكَ نَالَهُ عَادِمٌ! Dengan Rahmat-Nya kita akan mula bertindak atas Sunnah Rasulullah ﷺ membenci dosa-dosa dan melindungi Iman kita. Setiap saudara-saudara Muslimin hendaklah bertekad bahawa "Saya Akan Berusaha Memperbaiki Diri Sendiri Dan Seluruh Dunia." إِنَّ رَبَّكَ نَالَهُ عَادِمٌ

Untuk memperbaiki diri, kiti akan mengamalkan In'amaat Madani dan untuk memperbaiki seluruh umat kita akan mengembara dalam Kafilah Madani. إِنَّ رَبَّكَ نَالَهُ عَادِمٌ



www.dawateislami.net

ISBN 978-969-631-581-0



0125362



MC 1286

Aalami Madani Markaz, Faizan-e-Madinah, Mahallah Saudagaran
Purani Sabzi Mandi, Bab-ul-Madinah, Karachi, Pakistan.

UAN: +92 21 111 25 26 92 | Ext: 1262

Web: www.dawateislami.net | E-mail: translation@dawateislami.net